

**KEBERKESANAN PROGRAM BANDAR SELAMAT DI BANDARAYA
ALOR SETAR**

NASRUN BIN MOHD SHERIFF

**SARJANA SAINS (PENGAJIAN STRATEGIK)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 SINTOK,
KEDAH DARUL AMAN**

MEI 2014

**KEBERKESANAN PROGRAM BANDAR SELAMAT DI BANDARAYA
ALOR SETAR**

NASRUN BIN MOHD SHERIFF

Tesis ini dihantar ke Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Utara Malaysia (UUM)
bagi memenuhi syarat memperolehi Sarjana Sains (Pengajian Strategik)

PERAKUAN HAKCIPTA

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang dan atau membuat salinan mana-mana bahagian, bab, ilustrasi atau isi kandungan ilmiah ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanika, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa.

PERAKUAN PELAJAR

Dengan ini, saya Nasrun Bin Mohd Sheriff (813222), mengakui bahawa kajian ini adalah hasil nukilan saya sendiri kecuali petikan, huraian dan ringkasan yang terdapat di dalamnya yang telah dinyatakan sumbernya.

Tarikh : _____

Tandatangan Pelajar

KEBENARAN MERUJUK TESIS

Kajian ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat pengijazahan Sarjana Sains (Pengajian Strategik), Universiti Utara Malaysia. Saya bersetuju memberi kebenaran kepada pihak perpustakaan university ini untuk mempamerkannya sebagai rujukan. Saya juga bersetuju bahawa sebarang salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada kajian ini untuk tujuan akademik adalah dibolehkan dengan kebenaran penyelia tesis atau Dekan Pusat Pengajian Siswazah, Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa (COLGIS). Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersil dan membuat keuntungan adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penyelidik. Pernyataan rujukan kepada penulis dan Universiti Utara Malaysia perlulah dinyatakan jika sebarang bentuk dibuat ke atas kajian ini.

Kebenaran untuk menyalin atau menggunakan kajian ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya hendaklah dipohon melalui:

**DEKAN PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH
KOLEJ UNDANG-UNDANG, KERAJAAN DAN PENGAJIAN ANTARABANGSA
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010, SINTOK, KEDAH DARUL AMAN**

ABSTRACT

The concept of safe city requires the involvement and cooperation of all levels of society, government and private agencies in creating a safe environment. Emphasized crime prevention measures to achieve quality of life and prosperity. MBAS has taken comprehensive steps to provide safe urban sustainability in the city of Alor Setar Kedah. However, the public perception translates the elements of a safe city in the City of Alor Setar not lead to well-being security. This is because criminal cases are increasing and crime trends that lead to the physical safety of victims and loss of property. There is a need in consistency and intelligent cooperation between government agencies and the private sector to realize the concept of paradigm and safe city in the City of Alor Setar. MBAS alone will not be able to make the dream of a safe city come true without the involvement of other agencies and private parties. The results show that the community and government agencies should work hand in hand in order to achieve the well-being in the context of a safe city.

Key words: Safe city and urbanisation.

ABSTRAK

Konsep Bandar Selamat memerlukan penglibatan dan kerjasama daripada setiap lapisan masyarakat, agensi kerajaan dan swasta dalam mewujudkan persekitaran yang selamat. Langkah pencegahan jenayah perlu ditekankan untuk mencapai kehidupan yang berkualiti dan sejahtera. MBAS telah mengambil langkah komprehensif bagi menyediakan kelestarian Bandar Selamat di Bandaraya Alor Setar Kedah. Walau bagaimanapun persepsi masyarakat bandar menterjemahkan elemen Bandar Selamat di Bandaraya Alor Setar tidak menjurus kepada kesejahteraan keselamatan. Ini disebabkan kes-kes jenayah yang meningkat dan trend jenayah yang menjurus kepada keselamatan fizikal mangsa dan kehilangan harta benda. Perlu keseragaman dan kerjasama pintar antara agensi-agensi kerajaan dan swasta bagi merealisasikan paradigma dan konsep Bandar Selamat di Bandaraya Alor Setar. MBAS sahaja tidak mampu menjadikan harapan impian Bandar Selamat terlaksana secara total atau menyeluruh. Hasil kajian ini menunjukkan masyarakat dan agensi-agensi kerajaan perlu bersama dan seiring bagi mencapai kesejahteraan hidup dalam konteks Bandar Selamat.

Kata kunci: Bandar selamat dan perbandaran.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang serta selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad S.A.W., di atas limpah kurniaNya saya dapat menyempurnakan Kertas Projek yang bertajuk Keberkesanan Program Bandar Selamat di Bandaraya Alor Setar yang mengambil masa selama lebih kurang 4 bulan untuk menyiapkannya. Banyak pihak yang membantu dan memberikan kerjasama dalam menyiapkan Kertas Projek ini terutama sekali Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Dani bin Salleh selaku Penyelia Utama di Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa di atas segala khidmat nasihat, tunjuk ajar dan kerjasama beliau di sepanjang penyediaan Kertas Projek ini sehingga ia dapat disempurnakan dengan jayanya.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Paduka Haji Mohd Puat bin Haji Mohd Ali (Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman), Y.Bhg. Dato' Haji Mat Noh bin Ahmad (Datuk Bandar Majlis Bandaraya Alor Setar), Tuan Haji Asri Redha bin Abd Rahman (Setiausaha MBAS) dan semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam memberikan kerjasama dalam menyiapkan Kertas Projek ini.

Tidak lupa juga kepada ibu, isteri dan anak saya yang telah banyak berkorban dan sentiasa mendoakan kejayaan saya. Begitu juga dengan rakan-rakan seperjuangan (Pegawai-Pegawai Tadbir Negeri Kedah Darul Aman – KCS) di atas bantuan yang dihulurkan selama ini dan seterusnya dengan rendah diri saya memohon ampun dan maaf atas segala kekurangan yang terdapat dalam Kertas Projek ini.

Sekian, terima kasih

**NASRUN BIN MOHD SHERIFF
KOLEJ UNDANG-UNDANG, KERAJAAN DAN PENGAJIAN
ANTARABANGSA,
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010, SINTOK, KEDAH DARUL AMAN**

SENARAI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PERAKUAN HAKCIPTA	iii
	PERAKUAN PELAJAR	iv
	KEBENARAN MERUJUK TESIS	v
	<i>ABSTRACT</i>	vi
	ABSTRAK	vii
	PENGHARGAAN	viii
	SENARAI KANDUNGAN	ix
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI SINGKATAN	xvi
	SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1	Pengenalan	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Perubahan Struktur Fizikal Ekonomi dan Sosial	2
	1.3 Latar Belakang Program Bandar Selamat	3
	1.4 Latar Belakang Bandaraya Alor Setar	5
	1.5 Isu dan Persoalan Kajian	8
	1.6 Objektif Kajian	11
	1.7 Skop Kajian	12
	1.8 Kawasan Kajian	12
	1.9 Rumusan Bab	13

BAB 2 ULASAN KARYA

2.1	Pengenalan	15
2.2	Definisi Bandar Selamat	15
2.3	Definisi Jenayah	
2.3.1	Jenayah Kekerasan	16
2.3.2	Jenayah Harta Benda	17
2.4	Pelaksanaan Bandar Selamat di Malaysia	
2.4.1	Merekabentuk Persekitaran Fizikal	17
2.4.2	Crime Prevention Through Environmental Design (CPTED)	18 19
2.4.3	Memperkasakan Kawasan Sasaran	20
2.4.4	Kegiatan Kemasyarakatan Dan Pendidikan Kesedaran Awam	20 22
2.5	Bandar Selamat di Luar Negara – Satu Tinjauan	23
2.6	Rumusan Bab	25

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	26
3.2	Rekabentuk Kajian	26
3.3	Instrumen Kajian	
3.3.1	Bahagian A : Maklumat Demografi	27
3.3.2	Bahagian B : Tahap Keselamatan di Kawasan Taman Perumahan	27
3.3.3	Bahagian C : Kebimbangan Terhadap Jenayah Di Kawasan Taman Perumahan.	27
3.3.4	Bahagian D : Tahap Pelaksanaan Konsep Bandar Selamat.	28
3.3.5	Bahagian E : Cadangan bagi mengurangkan jenayah di kawasan perumahan.	28
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	29
3.5	Populasi	30

3.6	Persampelan	31
3.7	Analisis Data	32
3.8	Ujian Rintis (<i>Pilot Test</i>)	33
3.9	Rumusan Bab	35
BAB 4	ANALISIS DAN PENEMUAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	36
4.2	Pemeriksaan Data	36
4.2.1	Ujian <i>Normality</i>	36
4.2.2	Ujian <i>Linearity</i>	37
4.3	Kebolehpercayaan Kajian Sebenar	38
4.4	Maklumat Demografi	38
4.4.1	Jantina	38
4.4.2	Bangsa	39
4.4.3	Umur	40
4.4.4	Kelayakan Akademik	40
4.4.5	Status Perkahwinan	41
4.4.6	Pendapatan Keluarga	42
4.4.7	Nilai Semasa Rumah	43
4.4.8	Tempoh Tinggal di Kediaman Sekarang	43
4.4.9	Hak Milik Rumah	44
4.5	Tahap Keselamatan di Kawasan Taman Perumahan	45
4.6	Tahap Kebimbangan Terhadap Jenayah di Kawasan Taman Perumahan	51
4.7	Tahap Kepentingan Langkah-langkah Pencegahan Jenayah di Bawah Program Bandar Selamat	55
4.8	Analisis Inferensi	59
4.8.1	Kekuatan Hubungan Menggunakan Korelasi Pearson	59
4.8.2	Hubungan Antara Tahap Keselamatan dengan Pelaksanaan Konsep Bandar Selamat	61

4.8.3	Hubungan Antara Kebimbangan Terhadap Jenayah dengan Pelaksanaan Konsep Bandar Selamat	62
4.8.4	Hubungan Antara Tahap Keselamatan Dengan Kebimbangan Terhadap Jenayah	62
4.9	Pengetahuan Mengenai Kegiatan Jenayah di Kawasan Taman Perumahan	63
4.10	Rumusan Bab	64
BAB 5	PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	65
5.2	Cadangan Hasil Kajian	66
5.2.1	Pemasangan CCTV sebagai langkah segera	66
5.2.2	Inisiatif dan kerjasama polis dengan PBT membangunkan GIS-Basedmap	68
5.2.3	Peruntukkan khusus untuk Program Bandar Selamat	68
5.2.4	Melaksanakan langkah pencegahan jenayah berpandukan data jenayah	69
5.2.5	Menambah bilangan pondok polis dan meningkatkan rondaan	70
5.2.6	Meningkatkan kesedaran masyarakat dan pendidikan jenayah	70
5.2.7	Mensyaratkan penyediaan langkah pencegahan jenayah dalam pembangunan baru	72
5.3	Kesimpulan	72
	BIBLIOGRAFI	75
	LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

JADUAL	PERKARA	MUKA SURAT
Jadual 3.1	Kebolehpercayaan (<i>Reliability</i>) Statistik	35
Jadual 4.1	Hasil Ujian <i>Normality</i>	37
Jadual 4.2	Kebolehpercayaan (<i>Reliability</i>) Statistik	38
Jadual 4.3	Bilangan Responden Mengikut Jantina	39
Jadual 4.4	Bilangan Responden Mengikut Bangsa	39
Jadual 4.5	Bilangan Responden Mengikut Umur	40
Jadual 4.6	Bilangan Responden Mengikut Kelayakan Akademik	41
Jadual 4.7	Bilangan Responden Mengikut Status Perkahwinan	42
Jadual 4.8	Bilangan Responden Mengikut Pendapatan Keluarga	42
Jadual 4.9	Bilangan Responden Mengikut Nilai Semasa Rumah	43
Jadual 4.10	Bilangan Responden Mengikut Tempoh Tinggal di Kediaman	44
Jadual 4.11	Bilangan Responden Mengikut Hak Milik Rumah	45
Jadual 4.12	Jantina dan Tahap Keselamatan	46
Jadual 4.13	Kekerapan Persepsi Responden Terhadap Tahap Keselamatan di Kawasan Taman Perumahan	47
Jadual 4.14	Jadual Kekerapan Persepsi Responden Bagi Tahap Kebimbangan Terhadap Jenayah di Kawasan Taman Perumahan	52
Jadual 4.15	Jadual Kekerapan Persepsi Responden Terhadap Kepentingan Langkah Pencegahan Jenayah di Bawah Program Bandar Selamat	56
Jadual 4.16	Hierarki Kepentingan Langkah-langkah Pencegahan Jenayah dari Persepsi Responden	58
Jadual 4.17	Petunjuk Wajar Bagi Pekali Korelasi	60
Jadual 4.18	Interkorelasi Antara Pemboleh Ubah	61
Jadual 4.19	Bilangan Responden Mengikut Pengetahuan Mengenai	63

Jadual 4.20 Kegiatan Jenayah di Kawasan Taman Perumahan
Bilangan Responden Mengikut Sumber Maklumat
Kegiatan Jenayah

64

SENARAI RAJAH

RAJAH	PERKARA	MUKA SURAT
Rajah 1.1	Kawasan Sempadan Bandaraya Alor Setar	7
Rajah 1.2	Statistik Jumlah Kes Jenayah 2000-2005	9

SENARAI SINGKATAN

GIS	Geographic Information System
JKR	Jabatan Kerja Raya
JPBD	Jabatan Perancangan Bandar Desa
KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KT	Kerajaan Tempatan
MBAS	Majlis Bandaraya Alor Setar
MP	Majlis Perbandaran
MPK	Manual Prosedur Kerja
NGO	Badan bukan Kerajaan
OSC	One Stop Center
PDRM	Polis DiRaja Malaysia
PBN	Pihak Berkuasa Negeri
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
YDP	Yang DiPertua
YPJM	Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1	A Road Map to Safe City
Lampiran 2	Carta Organisasi Majlis Bandaraya Alor Setar
Lampiran 3	Safe City Initiative Helping to Curb Crime

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Rancangan Tempatan Daerah Kota Setar (2002-2015) (RTD Kota Setar (2002-2015) disediakan mengikut Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 1972), yang mengkehendaki setiap Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan (PBPT) untuk menyediakan rancangan tempatan bagi kawasan masing-masing. RTD Kota Setar 2002-2015 juga merupakan susulan daripada Rancangan Struktur Majlis Perbandaran Kota Setar (1985-2005) yang telah diluluskan pada 5 November 1989 oleh Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) dan diwartakan pada 13 Jun 1991.

RTD Kota Setar (2002-2015), mengambilkita beberapa elemen keperluan bagi mendorong pembangunan yang berteraskan fizikal, sosial dan ekonomi secara menyeluruh. Aspek keselamatan awam yang menjurus kepada elemen bandar selamat di bandaraya Alor Setar, Kedah. Walau bagaimanapun persepsi terhadap bandar selamat dalam kalangan masyarakat tempatan di bandaraya Alor Setar perlu dinilai untuk mengenalpasti sejauh mana kepekaan dan sensitiviti mereka berkaitan konsep bandar selamat. Ini bertujuan untuk mengajak masyarakat bersama membina keluhuran pembangunan mampan.

1.2 Perubahan Struktur Fizikal, Ekonomi dan Sosial

Perkembangan dan perubahan untuk permintaan, penawaran dan trend perkembangan bagi struktur fizikal, ekonomi dan sosio ekonomi semasa mendorong kepada keperluan untuk menyemak semula sebahagian daripada dasar-dasar dan cadangan yang telah dikemukakan dalam dokumen Rancangan Struktur Majlis Perbandaran Kota Setar 1985-2005 (RS MPKS (1985-2005)). Penyesuaian semula sebahagian daripada dasar-dasar dan cadangan tersebut dengan scenario pembangunan semasa akan dijalankan bagi memastikan keberkesanan penggunapakaian dokumen tersebut.

Program Bandar Selamat yang diperkenalkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, lebih tertumpu kepada perlaksanaan di kawasan perumahan berbanding kawasan pusat Bandar yang mempunyai gunatanah yang lebih kompleks. Sehubungan dengan itu Bandar Alor Setar telah dipilih sebagai kawasan kajian bagi menilai sejauh mana perhatian diberikan di kawasan komersial untuk melaksanakan Program Bandar Selamat. Pusat Bandar Alor Setar yang menjadi tumpuan utama setiap lapisan masyarakat lebih terdedah kepada masalah jenayah dan pencegahan jenayah amatlah penting untuk memastikan keselamatan pengunjung terjamin.

Pusat Bandar Alor Setar merupakan Bandar utama yang menjadi tumpuan penduduk di utara negeri Kedah. Ianya menjadi pusat perkhidmatan perdagangan yang menyediakan pelbagai aktiviti perkhidmatan seperti pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi, aktiviti kewangan dan khidmat perniagaan.

1.3 Latar Belakang Program Bandar Selamat

Idea pewujudan bandar selamat dicetuskan oleh Y.A.B. Perdana Menteri dalam mesyuarat kabinet pada 28 Januari 2004 (<http://jpbd.kelantan.gov.my>). Dalam mesyuarat tersebut, Y.A.B. Perdana Menteri telah menyatakan kebimbangan beliau terhadap bilangan jenayah yang semakin meningkat di Negara ini. Lanjutan daripada mesyuarat tersebut, Jemaah menteri mencadangkan supaya diwujudkan Bandar dan pekan selamat di Negara ini, contohnya mengelakkan lorong-lorong daripada sunyi, gelap dan lain-lain dengan penambahbaikan sebagai langkah pencegahan jenayah. Setiap pelan pembangunan pekan dan Bandar baharu hendaklah mengambil kira aspek-aspek keselamatan (<http://jpbd.kelantan.gov.my>).

Susulan daripada Jemaah menteri tersebut, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), telah mencadangkan pelaksanaan program Bandar Selamat yang mengandungi 23 langkah pencegahan. Program ini melibatkan pelbagai agensi seperti Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (YPJM) dan lain-lain agensi. Walau bagaimanapun, Kajian semula Program Bandar Selamat sedia ada merupakan antara aktiviti NKRA di bawah tindakan KPKT. JPBD bersama *stakeholders* telah berbincang dan bersetuju untuk memantapkan 23 Langkah Pencegahan Jenayah 2004 kepada 15 Langkah. Takrifan semula 15 Langkah Program Bandar Selamat bertujuan untuk memudahkan pelaksanaan Program Bandar Selamat dengan memberi pilihan kepada PBT untuk melaksanakan langkah-langkah bandar selamat mengikut kesesuaian setempat. Takrifan semula ini telah dipersetujui oleh semua PBT, PDRM, KDN, wakil makmal Bidang Keberhasilan

Utama Negara(NKRA) Mengurangkan Jenayah dan pertubuhan bukan kerajaan yang terlibat secara langsung di dalam pelaksanaan PBS 2004.

Buku Program Bandar Selamat 2010 telah dilancarkan oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung, mantan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 26 Julai 2010 sempena Mesyuarat Pegawai Kanan Perancang Bandar dan Desa Malaysia Ke-24 di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur. Senarai 15 langkah pencegahan tersebut adalah;

- i. Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor.
- ii. Pelaksanaan reka bentuk persekitaran fizikal yang selamat (CPTED).
- iii. Pemetaan GIS jenayah dan Program Bandar Selamat.
- iv. Penyediaan balai polis tetap atau bergerak.
- v. Penyediaan cermin keselamatan.
- vi. Penyediaan papan tanda peringatan jenayah.
- vii. Penyediaan penggera keselamatan.
- viii. Penyediaan tempat motosikal berkunci.
- ix. Pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan perniagaan dan tempat awam.
- x. Pencerhayaan di kawasan sasaran iaitu di tepi, hadapan dan belakang rumah/bangunan premis perniagaan, tempat awam dan perumahan.
- xi. Laluan awam tidak terlindung dari pandangan awam.
- xii. Penjanaan aktiviti bersesuaian di kawasan terdedah jenayah.
- xiii. Pendidikan, kesedaran awam dan publisiti.
- xiv. Meningkatkan rondaan di kawasan perumahan.
- xv. Agenda tetap bulanan dalam Mesyuarat Majlis Penuh PBT

1.4 Latar Belakang Program Bandar Selamat

Dari sebuah Badan Kebersihan Bandar atau "*Sanitary Board*", pentadbiran Bandar Alor Setar bertukar kepada "Lembaga Bandaran Alor Setar" pada tahun 1958 yang kemudiannya dinaikkan taraf sebagai "Majlis Daerah Kerajaan Tempatan" pada 1 Mac 1974, sekali lagi dinaikkan taraf sebagai "Majlis Perbandaran Kota Setar" pada 1 Februari 1978 dan akhirnya diistiharkan sebagai "Majlis Bandaraya Alor Setar" pada 21 Disember 2003. Menjelang kelahiran Alor Setar sebagai "Bandaraya" pada bulan Disember 2003, genaplah usianya 268 tahun semenjak ianya diasaskan pada 31 Disember 1735. Dengan ini membuktikan bahawa Bandaraya Alor Setar merupakan salah sebuah Bandaraya yang tertua di rantau ini (<http://www.mbas.gov.my/home>).

Alor Setar mula-mula dijumpai dan diasaskan oleh salah seorang Sultan Kedah iaitu Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Mu'adzam Shah II dalam tahun (1710-1778). Baginda merupakan Raja Negeri Kedah dari tahun hijrah 1122 – 1174. Pada awalnya, Alor Setar cuma sebuah kampung dengan beberapa buah rumah yang terletak di muara dua batang sungai. Apabila Sultan Mohamad Jiwa menjumpai kampung itu, baginda begitu tertarik dengannya kerana tempat itu dikelilingi oleh pohon-pohon pokok yang tebal lagi menghijau dan merupakan pusat di mana dua batang sungai bertemu. Maka, "Adapun Duli Yang Dipertuan bermuafakat dengan segala menteri-menteri membuat sebuah kota batu, bernama Kota Setar" Secara tidak langsung kampung itu digelar Kota Setar.

Baginda menamakannya Setar sempena dengan jenis pokok-pokok yang disekitar kota iaitu dikenali sebagai ‘pokok Setar’ jadi pada masa itu nama Alor Setar belum muncul lagi – ia dikenali sebagai Kota Setar. Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Mu'adzam Shah II bersemayan di Istana Kota Setar dan baginda menjadikannya sebagai Bandar DiRaja Negeri Kedah. Kota Setar mula berkembang setelah dijumpai oleh seorang berbangsa Inggeris kira-kira lebih 150 tahun selepas kampung itu diasaskan. Dalam bulan Oktober, 1883, James F. Agustin tiba di Kuala Sungai Kedah (sekarang dipanggil Kuala Kedah) kira-kira 10 km dari Kota Setar. Beliau dengan beberapa orang Inggeris lain telah menjelajah kawasan itu hingga ke pendalaman. Disamping, dua batang sungai tersebut kelihatan kelompok petempatan kecil orang-orang Melayu.

Akhirnya Augustin dan orang-orangnya pun tiba di Kampung Kota Setar. Beliau telah berkawan dengan orang-orang Melayu disitu dan mereka telah membawa ke istana batu Sultan Muhammad Jiwa. Augustin begitu tertarik hati dengan keadaan persekitaran istana yang dikelilingi dengan pokok-pokok “Stak” dan beliau lebih terpesona dengan keindahan kota mahligai Sultan. Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Mu'adzam Shah II menerima Augustin dengan baik dan kedua-dua pihak itu telah bertukar-tukar barang.

Dari sinilah bermulanya perniagaan bertukar barangan dan perdagangan diantara orang-orang tempatan dengan pedagang-pedagang asing. Pada awal kurun ke-19, ramai pedagang asing seperti pedagang Inggeris, India, China dan Sumatera telah datang ke Kota Setar untuk berdagang. Kota Setar telah berkembang dari sebuah kampung kepada pekan yang sibuk dan akhirnya menjadi sebuah Bandar

yang merupakan pusat penempatan, perdagangan dan pentadbiran. Orang-orang Inggeris khususnya, amat berminat kepada Bandar Kota Setar (masa itu Alor Setar dikenali dengan Kota Setar).

Dengan itu, segala perniagaan, pengangkutan dan perhubungan di Kedah berpusat di Kota Setar. Lama-kelamaan nama Kota Setar ditukar kepada Alor Setar. Ini disebabkan Bandar itu terletak dekat muara sungai dan selalu terdapat ramai pedagang Melayu dari lain-lain Negeri Melayu bersinggah disitu. Sebaliknya, Kota Setar telah menjadi nama kepada kawasan atau daerah yang sekitar Alor Setar.




Rajah 1.1: Kawasan Sempadan Bandaraya Alor Setar

(Sumber: http://ms.wikipedia.org/wiki/Alor_Setar)

Kota Setar dijadikan sebagai sebuah daerah di Kedah yang dipenuhi dengan sawah padi dan mula berkembang pesat terutama sekali dengan adanya pusat perdagangannya iaitu Alor Setar. Demikianlah sejarah awal mengenai pembukaan Alor Setar yang bermula dalam tahun 1720-an. Mengikut En. Ismail Bin Hj. Salleh (Setiausah Kehormat Persatuan Sejarah cawangan Kedah), Alor Setar merupakan satu Bandar yang istimewa dalam erti kata bahawa ia cepat mengalami pembangunan yang pesat walaupun ia merupakan Bandar kecil, disamping masih dapat mengekalkan ciri-ciri warisan budaya asing dalam pembangunannya khususnya bangunan-bangunan yang moden binaannya tetapi mempunyai ukiran yang cukup berseni dan bercorak asli. Alor Setar adalah sebuah ibu negeri yang tertua sekali di Malaysia. mengikut rekod sejarah, Bandar ini telah menjadi Ibu Negeri selama lebih kurang 250 tahun. Dari zaman ia diasaskan hingga zaman kini, Alor Setar masih tetap menjadi Ibu Negeri Kedah (http://ms.wikipedia.org/wiki/Alor_Setar).

1.5 Isu dan Persoalan Kajian

Tahun demi tahun, kes-kes jenayah di Malaysia kian meningkat hingga mengancam tahap keselamatan dan ketenteraman masyarakat. Menurut statistik Ibu Pejabat Polis Bukit Aman kes-kes jenayah telah meningkat dari tahun 2000 hingga 2005. Jenis-jenis jenayah terbahagi kepada dua iaitu jenayah kekerasan dan jenayah harta benda. Pada tahun 2003 - 2005 jumlahnya ketara tetapi telah menurun pada tahun 2002. Peningkatan kes dari tahun 2003 hingga 2005 adalah sebanyak 10 peratus (Rujuk Rajah 1.2)



Rajah1.2: Statistik Jumlah Kes Jenayah 2000-2005

(Sumber: Cawangan Perhubungan Awam, PDRM Ibu Pejabat Polis Bukit Aman)

Pada tahun 2000-2005, jenayah kekerasan untuk samun tanpa senjata paling banyak dilaporkan (13,210 kes), diikuti mencederakan manusia (4,246 kes), rogol (1,881 kes), samun berkawan tanpa senjata (1,842 kes), bunuh (497 kes), samun bersenjata (317 kes), cuba bunuh (94 kes) dan samun berkawan bersenjata (40kes). Kes jenayah harta benda pula, pada tahun 2000 hingga 2005 curi motosikal pulamerupakan kes jenayah harta benda yang paling ketara iaitu (51,709 kes), lain-laincuri (34,317 kes), pecah rumah dan curi (malam) (17,542 kes), curi motokar (9,711kes), curi ragut (9,617 kes), pecah rumah dan curi (siang) (6,923 kes) dan curi motorlori/van (5,507 kes). Secara keseluruhan pada tahun 2005 jenayah berkurangan 11 peratus daripada tahun sebelumnya. Penurunan kes jenayah ini disebabkan perlaksanaan beberapa program pencegahan jenayah seperti rukun tetangga, pengawasan kejiranan dan sebagainya. Rajah 1.2 menunjukkan statistik kes jenayah dari tahun 2000 hingga 2005.

Kerajaan juga telah melaksanakan beberapa program di dalam mengurangi kadar jenayah melalui Rancangan Malaysia. Dalam Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995), Program Rakan Muda telah diperkenalkan bertujuan untuk membantubelia mengelakkan diri daripada kegiatan yang tidak sihat terutamanya kegiatanjenayah. Manakala dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan Kelapan (1996-2005),memperkenalkan Program Masyarakat Penyayang dan Jawatankuasa Rukun Tetanggasecara meluas bertujuan untuk memupuk semangat kejiranan bagi membantumengurangi jenayah di kawasan perumahan. Manakala Program Khidmat SosialNegara di dalam Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005) diperkenalkan bertujuan menggalakkan semangat kerjasama dan perkongsian antara agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) sukarela membantu membentaras jenayah. Terkinidi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010), telah diperkenalkan ProgramPembelajaran Sepanjang Hayat dan Pusat Aktiviti Perpaduan bagi membentukkomuniti berpengetahuan dalam membuat rondaan, mengorganisasi persatuan didalam mencegah jenayah. Bagi merealisasikan program-program ini, pembabitan komuniti amat diperlukan.

Komuniti memainkan peranan penting dalam merangka cara penyelesaian yang bersifat tempatan (*custom design solution*). Komuniti dapat mempertingkatkan (*heighten*) peluang pemerhatian dan pengawasan ke atas harta benda, terutama apabilarumah jirannya kekosongan. Semangat kejiranan seperti saling membantu dan mengambil berat di antara jiran oleh komuniti juga dapat membentaras kejadian jenayah. Semangat ini perlu disemai dan diamalkan dikalangan komuniti. Semua strategi dan langkah pencegahan jenayah tidak berkesan tanpa kesedaran dan kerjasama komuniti. Oleh itu kajian ini telah mengemukakan beberapa persoalan.

- i. Apakah indikator komuniti yang berkesan bagi mencapai konsep BandarSelamat?
- ii. Apakah kejayaan dan halangan aspek komuniti di dalam pelaksanaan konsep Bandar Selamat?
- iii. Apakah sumbangan dan peranan pihak-pihak yang terlibat dalam menerapkan aspek komuniti di dalam pelaksanaan Bandar Selamat?

1.6 Objektif Kajian

Di antara objektif-objektif yang digariskan untuk mencapai matlamat di atas ialah:-

- i. Mengenalpasti definisi, matlamat, konsep, indikator dan ciri-ciri BandarSelamat;
- ii. Mengenalpasti definisi, indikator, strategi dan program-program komuniti;
- iii. Mengenalpasti isu-isu jenayah di kawasan perumahan bandar yang terancang;
- iv. Mengenalpasti penglibatan komuniti di dalam menjayakan Bandar Selamat diluar negara;
- v. Mengenalpasti kejayaan dan halangan aspek komuniti di dalam pelaksanaanBandar Selamat; dan
- vi. Mengemukakan beberapa pembaikan dan cadangan dalam pembangunankomuniti bagi menjayakan pelaksanaan Bandar Selamat.

1.7 Skop Kajian

Skop kajian ini hanya melihat kepada isu-isu jenayah sama ada jenayahkekerasan dan jenayah harta benda yang melibatkan ancaman kepada aspek keselamatan dan kesejahteraan komuniti di bandar. Isu-isu jenayah ini merupakan salah satu daripada penekanan dalam pelaksanaan Bandar Selamat. Kajian ini juga hanya memberi penekanan kepada kawasan perumahan yang dirancang yang meliputi kawasan rumah teres, berkembar dan sesebuah. Selain daripada itu, kajian juga hanya menumpukan aspek komuniti daripada aspek reka bentuk persekitaran dan pihak keselamatan dalam menyelesaikan atau mengurangi jenayah bagi mewujudkan sebuahBandar Selamat.

1.8 Kawasan Kajian

Kawasan kajian dijalankan di taman perumahan di sepanjang Jalan Sultanah Bahiyah, Alor Setar. Berdasarkan statistik Polis Di Raja Malaysia (PDRM), bagi tempoh 20 tahun(1984-2003) kadar jenayah telah melonjak naik mulai tahun 1996 dengan 87,902 kes kepada 121,176 kes pada tahun 1997 (iaitu peningkatan sebanyak 37.85 peratus). Seterusnya jumlah kes jenayah adalah dalam lingkungan 128,000 hingga 169,000 kes pada tahun-tahun berikutnya. Pada tahun 2003, misalnya jenayah harta benda adalah kira-kira 85.4 peratus dari jumlah keseluruhan kes jenayah (iaitu 133,525 kes berbanding 156,315 kes keseluruhan), (PDRM, 2005).

Sejak tahun 1970-an kes jenayah keganasan dan harta benda telah menghiasi dada-dada akhbar, media elektronik dan menjadi bualan masyarakat. Kes rompakan/samun samada menggunakan senjata api atau tidak, paling ditakuti oleh orang ramai kerana bukan sahaja boleh mendatangkan kerugian harta benda tetapi juga menyebabkan cedera parah atau kehilangan nyawa (Mohd Redzuan, 1990).

1.9 Rumusan Bab

Menjelang tahun 2020, dianggarkan hampir 65 peratus penduduk di Semenanjung Malaysia akan mendiami kawasan bandar. Kawasan bandar merupakan penggerak dan nadi kepada ekonomi yang berkonsepkan teknologi. Kesan perbandaran di negara ini tidak terkecuali daripada masalah aktiviti-aktiviti globalisasi, antaranya ialah risiko kesejahteraan dan keselamatan yang tinggi kerana bandar tidak lagi mempunyai ciri-ciri yang selesa (*conducive*) untuk member perlindungan kepada kesejahteraan hidup (*well being*) manusia (Zainuddin bin Hj. Muhammad, 2000).

Hampir setiap hari, media massa memaparkan laporan tentang pelbagai jenis kes jenayah sama ada rompakan bersenjata, penculikan, atau pencabulan wanita. Ternyata aktiviti-aktiviti jenayah pada masa kini semakin bersifat ganas dan penjenayah pula semakin berani dalam menjalankan aktiviti mereka. Perkara ini dipandang serius oleh kerajaan. Sesungguhnya, peningkatan penglihatan pihak yang terlibat adalah amat penting bagi mencegah jenayah dan meningkatkan tanggapan keselamatan rakyat (*sense of safety*).

Aspek komuniti sememangnya telah menjadi amalan komuniti di luar Bandar sejak sekian lama dan merupakan teras perhubungan sosial. Namun ianya berbeza dikawasan bandar di mana aspek komuniti itu semakin merosot dan mula diabaikan. Penglibatan bersama [pembangunan komuniti] antara kerajaan, pihak keselamatan dan komuniti serta menyatukan komuniti dalam pencegahan jenayah dengan menanamkan semangat kejiranan adalah di antara ciri-ciri Bandar Selamat.

Pengawasan kejiranan adalah satu rangkaian komuniti setempat yang mempunyai kesedaran untuk mengawasi kejadian yang berlaku di sekitar kawasan kejiranan dan melaporkan aktiviti-aktiviti yang diragui kepada pihak Polis. Komuniti adalah ‘mata dan telinga’ kepada Polis untuk memerhatikan perkara-perkara yang biasa dan juga luar biasa, di samping menjaga keselamatan perumahan mereka. Aspek komuniti di dalam pelaksanaan konsep Bandar Selamat perlulah diberiperhatian terutamanya di kawasan perumahan. Ini kerana komuniti juga bolehbertindak sebagai agensi yang penting kepada pihak Polis dengan memberi ‘*input*’ kearah membangunkan Bandar Selamat. Peranan mereka juga amat besar dalam membantu kerajaan menyampaikan objektif, selain meringankan beban tugas Polis mencegah kejadian jenayah.

BAB 2

ULASAN KARYA

2.1 Pengenalan

Kajian literature ini bertujuan memberikan pemahaman yang lebih jelas mengenai definisi, matlamat dan pelaksanaan Bandar Selamat. Langkah pencegahan jenayah dalam Program Bandar Selamat yang digariskan oleh Jabatan Perancangan Bandar Desa akan dibincangkan sebagai fokus ke arah menjamin kualiti hidup masyarakat. Konsep Bandar Selamat di Malaysia dan di luar negara juga di beri tumpuan sebagai perbandingan bagi mengetahui sejarah, kaedah-kaedah dan keberkesanannya dalam menjamin keselamatan dan kesejahteraan penduduk kawasan bandar.

2.2 Definisi Bandar Selamat

Konsep Bandar selamat memerlukan penglibatan dan kerjasama daripada setiap lapisan masyarakat dan agensi kerajaan dan swasta dalam mewujudkan persekitaran yang selamat. Langkah pencegahan jenayah ditekankan untuk mencapai kehidupan yang berkualiti dan sejahtera. Matlamat mewujudkan Bandar selamat pula adalah seperti berikut :

- Bandar yang bebas dari keganasan (violence) merosakkan harta benda dan nyawa seperti gejala ragut, pecah rumah, kecurian dan sebagainya

- Bandar yang bebas dari kemusnahan dan malapetaka ekoran daripada bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh
- Bandar yang bebas dari kemerosotan sosial dan moral seperti penagihandadah,kecurian, jenayah kolar putih, rasuah, salah guna kuasa, hilang integriti dan sebagainya
- Bandar yang bebas dari kemalangan jalan raya, jatuh dari bangunan, kebakaran dan sebagainya (Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa)

Matlamat ini lebih menjurus kepada pendekatan jenayah tidak boleh dibanteras Melalui sistem undang-undang sahaja tetapi menjadi tanggungjawab bersama semua pihak untuk memastikan keselamatan terjamin.

2.3 Definisi Jenayah

Jenayah ialah perkataan yang merujuk kepada perlakuan yang dilarang oleh undang-undang. Jenayah termasuklah mencuri, memiliki atau menjual dadah, merompak, membunuh dan lain-lain yang salah di sisi undang-undang. Jenayah merupakan suatu kegiatan yang menyalahi undang-undang kerajaan sesuatutempat atau negara. Kejadian jenayah berlaku berpunca daripada beberapa masalah sosial dan juga kelemahan perancangan fizikal yang tidak menitikberatkan keselamatan awam. Jenayah berlaku jika terdapat tiga elemen iaitu keinginan (*desirable*), kemampuan (*ability*) dan peluang (*opportunity*) atau dikenali sebagai '*crime triangle*'(Polis Diraja Malaysia).

Indeks jenayah boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu :

i. Jenayah Kekerasan

Jenayah kekerasan adalah perbuatan yang mendatangkan ancaman dan kecederaan ke atas seseorang. Antara perlakuannya termasuk membunuh, cubamembunuh, samun berkawan bersenjata, samun berkawan tidak bersenjata, samun bersenjata, samun tanpa senjata, rogol dan mencederakan orang.

ii. Jenayah Harta Benda

Jenayah jenis ini hanya melibatkan ancaman ke atas harta benda sahaja sepertiragut, seluk saku, pecah rumah pada siang hari, pecah rumah pada malam hari, mencuri kenderaan dan lain-lain jenis kecurian yang berbentuk harta benda. Pencegahan aktiviti jenayah menjadi satu kepentingan dan ukuran utama untuk menjamin kehidupan masyarakat yang selesa dan sempurna.

Terdapat beberapa kriteria yang digunapakai dalam konteks mencegah jenayah, antaranya '*preventive*' yang memfokus kepada pencegahan, '*proactive*' iaitu mengambil tindakan awal dalam membanteras jenayah, '*pre-emptive*' menghalang jenayah melalui penahanan orang yang mencurigakan dan membendung kenaikan jenayah melalui pelbagai aktiviti yang melibatkan orang awam dan agensi berkaitan serta kemampuan untuk menyelesaikan kes-kes jenayah. Pencegahan jenayah dalam konsep Bandar Selamat perlu dilaksanakan di peringkat

awal iaitu dengan mencegah jenayah melalui rekabentuk persekitaran dan penglibatan masyarakat bagi mewujudkan persekitaran yang selamat dan selesa.

2.4 Pelaksanaan Bandar Selamat di Malaysia

Aspek keselamatan telah menjadi asas utama untuk masyarakat menjalani kehidupan yang selesa, selamat dan sejahtera. Walaubagaimanapun, kegiatan jenayah telah menjadi ancaman kepada kehidupan harian masyarakat bandar. Kadar kes jenayah di Malaysia meningkat pada tahun 1996 hingga 1997 dengan peningkatan sebanyak 37.85 peratus. Ianya meningkat pada tahun-tahun berikutnya di mana jenayah harta benda mencatat sebanyak 85.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes jenayah yang direkodkan pada tahun 2003. Keadaan ekonomi pada masa itu dilihat sebagai salahsatu punca meningkatnya kes jenayah dan telah menggugat keselamatan masyarakat.

Lanjutan daripada itu, Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (YPJM) yang ditubuhkan pada tahun 1993 sebagai badan bukan kerajaan untuk menganjurkan pelbagai program pencegahan jenayah telah melahirkan kebimbangan terhadap peningkatan kadar jenayah. Walaupun kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah seperti mewujudkan Program Pengawasan Kejiranan, Rakan Cop, Rukun Tetangga, Persatuan Belia dan memberi kesedaran melalui pendidikan untuk mencegah kegiatan jenayah, namun masalah jenayah tetap sukar dibendung. Pada tahun 1998, YPJM telah mencadangkan konsep Bandar Selamat sebagai satu

inisiatif pencegahan jenayah di Malaysia. Ia telah menjadi perintis kepada wujudnya konsep Bandar Selamat pada tahun 2004.

2.4.1 Merekabentuk Persekitaran Fizikal

Langkah satu hingga tiga memerlukan ruang khas dibina untuk kegunaan pejalan kaki serta perhentian bas. Ia bertujuan untuk mengurangkan risiko kemalangan kerana mengelakkan kejadian ragut ke atas mereka yang berjalan kaki. Bagi tujuan tersebut, laluan pejalan kaki boleh diasingkan dengan laluan bermotor melalui struktur fizikal tertentu seperti rel penghadang dan *bollard* atau boleh juga dipisahkan melalui tanaman landskap agar tidak mudah dimasuki oleh kenderaan terutamanya motosikal. Tanaman landskap di laluan pejalan kaki harus dikawal supaya tidak menjadi tempat persembunyian penjenayah. Dengan cara ini, kejadian ragut dan samun akan dapat dielakkan.

Langkah empat bertumpu kepada aspek susunatur dan rekabentuk persekitaranyang sesuai untuk dipraktikkan oleh pihak berkuasa tempatan dalam pencegahan jenayah. Ia melibatkan agensi-agensi kerajaan seperti JPBD, PDRM, NGO, JKR dan PBT untuk menjalankan penyelidikan sebagai penambahbaikan kepada program sedia ada. Hasil penyelidikan akan digunakan untuk membentuk pelbagai garis panduan yang lebih terperinci dari aspek rekabentuk fizikal seperti garis panduan pencegahan jenayah melalui rekabentuk persekitaran

2.4.2 *Crime Prevention Through Environmental Design (CPTED)*

Pencahayaan, pengasingan laluan pejalan kaki, panduan penyediaan bollard dan pemasangan kemudahan CCTV. Langkah lima merujuk kepada perkongsian maklumat jenayah antara PBT dengan pihak polis melalui penggunaan pangkalan data GIS. Pihak PDRM dapat meningkatkan keberkesanan operasi pembanterasannya jenayah melalui analisis spatial aktiviti jenayah. Pada masa yang sama, PBT akan dapat melakukan pengauditan ke atas kemajuan pembanterasannya jenayah dan membaiki ke atas kawasan jenayah tersebut. Manakala langkah 6 memerlukan PBT dan JPBD mengambil kira ciri-ciri keselamatan serta keperluan tapak balai atau pondok polis.

2.4.3 *Memperkasakan Kawasan Sasaran*

Strategi kedua dilaksanakan dengan memperkasakan kawasan sasaran. Melalui langkah tujuh PBT akan bekerjasama dengan PDRM untuk mengenalpasti lokasi dan tapak yang sesuai untuk penyediaan pondok polis. Langkah lapan memerlukan PBT bekerjasama dengan pihak polis untuk menyediakan papantanda peringatan jenayah yang mengandungi peringatan semasa kecemasan serta nombor yang perlu dihubungi untuk mendapatkan bantuan. Langkah sembilan dan sepuluh merupakan alat pengawasan mekanikal yang perlu dipasang terutamanya di lokasi kejadian curi ragut dan jenayah kecurian seperti di lorong-lorong terlindung.

Penyediaan cermin keselamatan akan memudahkan orang awam melihat keadaan dicelah lorong yang lazimnya menjadi tempat bermulanya sesuatu aktiviti jenayah seperti curi ragut. Manakala penggera keselamatan amat penting

terutamanya apabila seseorang itu berada dalam keadaan bahaya atau kecemasan. Langkah 11 memerlukan PBT untuk meningkatkan kerja-kerja pembersihan ke atas kawasan yang kotor dan semak khususnya di tempat-tempat awam seperti sekitar laluan stesen bas, stesen keretapi, lorong tepi dan belakang premis perniagaan utama. Langkah 12-14 memberi penekanan kepada tempat letak kenderaan khususnya motorsikal. PBT perlu menyediakan tempat letak motorsikal berkunci dan memastikan lampu dipasang pada waktu malam bagi maksud pengawasan. Pemasangan CCTV juga perlu agar kerja-kerja pemantauan dan pengawasan menjadi lebih mudah. Melalui langkah 15 PBT akan memastikan reka bentuk jejantas tidak menghalang pandangan awam. Oleh itu, reka bentuk jenis *intricate ornate* design atau bumbung condong hingga menghalang pandangan adalah tidak dibenarkan.

Selain itu PBT juga hendaklah menggunakan peraturan agar papan iklan yang dipasang di jejantas tidak mengganggu pandangan pengguna dan pandangan orang awam bagi mengelakkan sebarang kegiatan jenayah. Langkah 16 pula memerlukan PBT memasang lampu-lampu jenis terang di sekitar lokasi-lokasi pasar malam kerana dikhuatiri keadaan persekitaran pasar malam yang suram dan gelap boleh mendatangkan bahaya kepada pengunjung atau berlakunya kejadian curi ragut, pecah kereta atau kecurian kenderaan.

Seterusnya PBT hendaklah melarang peniaga yang menggunakan kaki lima atau laluan pejalan kaki di premis perniagaan untuk meletakkan meja dan kerusi makan mereka. Kenderaan juga hendaklah diletakkan di tempat letak kenderaan yang telah dikhaskan agar tidak menghalang laluan orang awam. Langkah 18 memerlukan PBT untuk menggalakkan aktiviti perniagaan kecil di beberapa laluan

dan lokasi yang sebelum ini adalah sunyi dan gelap. Ianya bertujuan untuk meningkatkan pengawasan ke atas lokasi-lokasi tersebut sekaligus dapat mengurangkan risiko jenayah. Langkah terakhir yang perlu diambil oleh PBT bagi memperkasakan sesebuah kawasan adalah dengan mendapatkan perkhidmatan kawalan sekuriti untuk mengawal lokasi-lokasi yang kerap berlaku kes-kes jenayah dan vandalisme contohnya di kawasan perumahan baru.

2.4.4 Kegiatan Kemasyarakatan Dan Pendidikan Kesedaran Awam

Strategi ketiga pula memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak bagi meningkatkan kesedaran awam tentang kegiatan jenayah. PBT bersama agensi-agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan akan mempergiatkan pendidikan mengenai cara perilaku / kelakuan semasa berada di luar rumah khususnya kaum wanita. Antaranya bagi mendidik kaum wanita untuk mencegah kes ragut. Penghuni rumah di kawasan yang kerap berlaku jenayah akan dinasihatkan untuk memasang lampu di depan, tepi dan sekitar belakang rumah supaya dapat menghindarkan aktiviti kegiatan pecah rumah.

Langkah 22 dilakukan melalui pendidikan dengan mengedarkan risalah-risalah jenayah kepada orang awam dan pengunjung. Risalah tersebut disediakan bertujuan untuk memberitahu orang awam tentang lokasi-lokasi jenayah, punca kejadian jenayah dan langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil oleh orang awam untuk keselamatan dan mengelakkan diri mereka daripada ancaman jenayah. Langkah terakhir memerlukan kerjasama yang erat antara PBT dengan orang awam

serta pengunjung untuk menjayakan rondaan dan penyertaan awam di kawasan-kawasan yang mengalami kes jenayah yang tinggi. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah di minta untuk melaporkan pelaksanaan Program Bandar Selamat kepada kabinet.

2.5 Bandar Selamat di Luar Negara – Satu Tinjauan

Konsep bandar selamat atau '*safe city*' telah dilaksanakan di negara barat sejak tahun 1980an lagi. Program ini dilaksanakan melalui penglibatan komuniti, pihak polis dan agensi awam. Ia bertujuan untuk mengurangkan aktiviti jenayah terutamanya di kawasan kediaman. Di Afrika Selatan, program bandar selamat dilaksanakan mengikut konsep '*prevention is better than cure*' kerana pencegahan awal adalah penting dalam mengatasi masalah jenayah yang berlaku. Program ini dilaksanakan secara berperingkat di bandar seperti Durban yang dilaksanakan melalui pendidikan dan kesedaran pencegahan jenayah, pemasangan CCTV, mengurangkan masalah penagihan dadah dan menyediakan kemudahan infrastruktur yang sempurna untuk penduduk dan golongan kanak-kanak. (Durban Safer City Strategy 2000).

Di Amerika Syarikat, pencegahan jenayah dilaksanakan melalui pelbagai kaedah yang melibatkan penglibatan komuniti secara intensif. Program Pengawasan Kejiranan, Pengawasan Jenayah, masyarakat dan rondaan basikal dan '*Community Policing*' dilaksanakan dengan kerjasama pihak polis bagi membanteras jenayah dan

semua perkara lain yang boleh mengancam keselamatan masyarakat di kawasan kediaman. Maklumat jenayah atau yang mencurigakan disalurkan oleh masyarakat kepada pihak polis bagi membolehkan pihak polis merancang untuk pencegahan jenayah. Di Kanada, pelbagai aktiviti di rancang bersama penduduk, pihak polis, pihak berkuasa tempatan dan pihak swasta bagi mengatasi masalah jenayah dan penyaluran sumber maklumat bagi membentuk badan pencegahan jenayah di peringkat kejranaan.

Misalnya, di Brampton City pelbagai aktiviti diperkenalkan di antara tahun 1982-1988 sebagai langkah mencegah masalah vandalism seperti *START (Students Teaching Awareness and Responsibility Today)*, *Neighbourhood Watch* and *STEP (Seniors Taking Extra Precautions)*. Ianya telah diperkembangkan sebagai program Bandar Selamat bagi tujuan mencegah jenayah dengan penubuhan Persatuan Pencegahan Jenayah Brampton yang telah menjalankan pelbagai aktiviti seperti *Business Crime Watch*, *the Block Parent Program*, *CHALLENGE (for persons with disabilities)* dan *Trash and Consequences (an anti-vandalism/anti-litter program for children)*. Program-program sebegini dilaksanakan berterusan dengan penglibatan pelbagai lapisan masyarakat seperti belia, kanak-kanak dan orang tua bagi mewujudkan bandar yang selamat dan menjamin kesejahteraan masyarakat setempat.

2.6 Rumusan Bab

Konsep Bandar Selamat dikenal pasti sebagai satu program mencegah masalah jenayah yang kian meningkat di negara ini. Pelaksanaan 23 langkah pencegahan jenayah yang diperkenalkan oleh Jabatan Perancangan Bandar lebih bertumpu kepada apembaikkan dan perancangan persekitaran fizikal sebagai langkah utama mewujudkan keselesaan dan kesejahteraan masyarakat sesebuah kawasan kediaman. Walaupun terdapat empat matlamat bandar selamat yang berbeza tetapi pencegahan jenayah masih menjadi matlamat utama dalam membentuk sebuah bandar yang selamat dan terjamin. Pengalaman negara luar dalam pencegahan jenayah dan masalah keselamatan yang lain jelas terbukti melalui pelaksanaannya sejak berpuluh tahun lamanya. Kejayaan tersebut adalah hasil usaha semua pihak yang telah bergabung tenaga bagi menjayakan pelbagai aktiviti yang telah diaturkan. Secara tidak langsung program Bandar Selamat dapat menjalin ikatan di antara agensi-agensi kerajaan, pihak swasta dan komuniti dalam menjayakan pencegahan jenayah bagi membentuk gaya hidup yang berkualiti. Di Malaysia walaupun program Bandar Selamat telah dilaksanakan sejak tahun 2004 lagi, namun dilihat kejadian jenayah masih meningkat setiap tahun. Oleh itu, amatlah penting bagi semua pihak untuk mengaplikasikan pelaksanaan pencegahan jenayah Bandar Selamat secara intensif agar dapat mencapai matlamat yang digariskan. Ia amatlah penting bagi mencapai sebuah negara yang maju menjelang tahun 2020 yang bebas dari kegiatan jenayah dan seterusnya menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan mengenai reka bentuk kajian, instrumen kajian, kaedah pengumpulan data, populasi dan sampel kajian, analisis data dan ujian rintis yang telah dijalankan secara terperinci.

3.2 Rekabentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian penerokaan (*exploration*). Kaedah pengumpulan data adalah dalam bentuk kuantitatif dan disokong oleh kaedah kualitatif. Bagi analisis kuantitatif, borang soal selidik diedarkan kepada responden iaitu penduduk di Taman Perumahan Taman Uda, Jalan Sultanah Alor Setar, Kedah.

Maklum balas soal selidik dianalisis secara statistik deskriptif untuk kekerapan dan peratusan. Statistik inferensi iaitu ujian korelasi digunakan untuk menentukan tahap hubungan antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar. Manakala bagi kaedah kualitatif, setelah hasil daripada analisis terhadap persepsi masyarakat diperolehi, ia akan digunakan sebagai input untuk mendapatkan maklum balas daripada pihak PBT melalui kaedah temuduga secara bersemuka.

3.3 Instrumen Kajian

Soal selidik digunakan sebagai instrumen dalam menjalankan kajian ini. Borang soal selidik direkabentuk berasaskan kerangka teori yang bertujuan untuk mengukur hipotesis-hipotesis kajian secara saintifik dan menjawab segala persoalan-persoalan kajian. Soalan soal selidik dibahagikan kepada lima (5) bahagian iaitu bahagian A, B, C, D dan E.

3.3.1 Bahagian A: Maklumat demografi

Bahagian ini mengandungi soalan-soalan yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat peribadi responden. Sebanyak sembilan item telah dimasukkan bagi tujuan mengukur faktor demografi responden iaitu jantina, bangsa, umur, kelulusan akademik, status perkahwinan, pendapatan keluarga, nilai semasa rumah, tempoh mendiami rumah dan hakmilik rumah.

3.3.2 Bahagian B: Tahap Keselamatan Di Kawasan Taman Perumahan

Bahagian ini mengandungi soalan-soalan yang bertujuan untuk mengukur tahap keselamatan di kawasan taman perumahan. Sejumlah 13 soalan disediakan bagi tujuan pengukuran. Soalan-soalan diambil daripada set soal selidik yang telah digunakan oleh Jamaludin (2007) dalam kajian beliau.

Bagi setiap item dalam soal selidik di bahagian ini, terdapat lima pilihan jawapan yang menggambarkan tahap keselamatan di kawasan taman perumahan daripada 47 persepsi responden. Skala Likert lima peringkat digunakan sebagai

pilihan kepada responden, iaitu dari sangat tinggi kepada sangat rendah. Skor yang tinggi menggambarkan sangat setuju manakala taburan skor yang rendah pula menggambarkan sangat tidak setuju dalam aspek tahap keselamatan di kawasan taman perumahan.

3.3.3 Bahagian C: Kebimbangan Terhadap Jenayah di Kawasan Taman Perumahan

Bahagian ini mengandungi soalan-soalan yang bertujuan untuk mengukur kebimbangan terhadap jenayah di kawasan taman perumahan. Sejumlah 11 soalan disediakan bagi tujuan pengukuran. Soalan-soalan diambil dan diubahsuai daripada set soal selidik *Fear of Crime Survey 2007* yang boleh didapati di laman sesawang <http://www.scarborough.gov.uk>.

Bagi setiap item dalam soal selidik di bahagian ini terdapat lima pilihan jawapan yang menggambarkan tahap kebimbangan responden terhadap jenayah di kawasan taman perumahan. Skala Likert lima peringkat digunakan sebagai pilihan kepada responden, iaitu dari sangat tinggi kepada sangat rendah. Skor yang tinggi menggambarkan sangat bimbang manakala taburan skor yang rendah pula menggambarkan responden tidak bimbang mengenai jenayah di kawasan taman perumahan.

3.3.4 Bahagian D : Tahap Pelaksanaan Konsep Bandar Selamat.

Bahagian ini mengandungi soalan-soalan yang bertujuan untuk mengukur kepentingan langkah-langkah pencegahan jenayah di kawasan taman perumahan.

Sejumlah 14 soalan disediakan bagi tujuan pengukuran. Soalan-soalan tersebut merupakan senarai 14 langkah pencegahan jenayah di bawah Program Bandar Selamat. Soalan disediakan dengan merujuk kepada set soal selidik yang digunakan oleh Ahmad Nazrin Aris (2008) dalam kajian beliau.

Bagi setiap item dalam soal selidik di bahagian ini terdapat lima pilihan jawapan yang menggambarkan tahap kepentingan langkah-langkah pencegahan jenayah daripada persepsi responden. Skala Likert lima peringkat digunakan sebagai pilihan kepada responden, iaitu dari sangat tinggi kepada sangat rendah. Skor yang tinggi menggambarkan sangat penting manakala taburan skor yang rendah pula menggambarkan sangat tidak penting.

3.3.5 Bahagian E : Cadangan bagi mengurangkan jenayah di kawasan perumahan

Bahagian ini mengandungi soalan-soalan terbuka yang bertujuan untuk mendapatkan cadangan daripada responden bagi mengurangkan kadar jenayah di kawasan perumahan. Soalan-soalan di bahagian ini diambil daripada soal selidik yang telah digunakan oleh Jamaludin (2007) dalam kajian beliau.

3.4 Kaedah Pengumpulan Data

Kajian dibuat membabitkan pengumpulan data-data primer dan data-data sekunder. Pengumpulan data-data primer dibuat melalui borang soal selidik untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan berdasarkan pemboleh ubah yang dikaji. Borang soal selidik diagihkan kepada semua responden melalui Ahli Jawatankuasa

(AJK) Surau Al Muttaqin, Taman Perumahan Taman Uda, Jalan Sultanah Alor Setar, Kedah.. Tempoh yang diperuntukkan adalah selama dua minggu untuk mengisi segala butiran dalam soal selidik tersebut.

Seterusnya, langkah mengutip kembali borang soal selidik yang telah diedarkan sebelum ini dilakukan di mana penyelidik telah menemui semula AJK Surau. Data sekunder pula diperolehi melalui pembacaan dan penyelidikan ke atas buku serta jurnal bagi meneliti teori, konsep asas dan kajian-kajian terdahulu mengenai Program Bandar Selamat di peringkat antara bangsa dan peringkat tempatan. Statistik kadar jenayah bagi tahun 2006 hingga 2010 pula diperolehi daripada pihak PDRM, Bukit Aman, Kuala Lumpur. Manakala peta lokasi dan sejarah kawasan kajian pula diperolehi daripada MBAS.

Selain itu, kaedah temuduga secara bersemuka juga dibuat bagi menyokong data primer yang diperolehi. Temuduga diadakan dengan wakil agensi pelaksana yang terlibat iaitu wakil MBAS bagi mendapatkan maklum balas yang akan menyokong dapatan kajian mengenai peranan MBAS dan sejauhmana langkah-langkah pencegahan jenayah di bawah Program Bandar Selamat telah dilaksanakan oleh pihak MBAS di kawasan kajian.

3.5 Populasi

Populasi merujuk kepada sekumpulan entiti, unsur atau benda (sama ada bernyawa atau tidak bernyawa) yang menjadi subjek kajian (atau perkara yang akan, ingin atau hendak dikaji) bagi seorang penyelidik (Ahmad Mahzan, 2007). Bagi kajian ini,

populasi adalah penduduk yang tinggal di kawasan taman perumahan di Jalan Sultanah Alor Setar, Kedah.

3.6 Persampelan

Prinsip utama dalam persampelan adalah dengan memastikan kebolehan sampel untuk mewakili populasi (Ayob, 2005). Oleh kerana populasi kajian ini merangkumi kawasan geografi yang luas, kaedah persampelan kelompok telah digunakan bagi tujuan kajian ini. Menurut Ahmad Mahzan (2007), sampel kelompok ialah sampel rawak mudah apabila unit persampelan primer bukan lagi unsur daripada populasi, tetapi kelompok unsur daripada populasi itu. Sebuah taman perumahan yang terletak di Kuala Lumpur telah dipilih sebagai sampel kajian dan responden adalah terdiri daripada penduduk yang tinggal di kawasan taman perumahan tersebut. Pemilihan responden dibuat secara persampelan rawak mudah. Ini bermaksud setiap penduduk mempunyai kebarangkalian yang sama untuk dipilih.

Sebelum data dikumpul untuk menguji hipotesis kajian, penyelidik perlu menetapkan unit analisis (Ayob, 2005). Unit analisis bagi kajian ini adalah bilangan rumah yang terdapat di kawasan taman perumahan yang dipilih iaitu Taman Perumahan Taman Uda, Jalan Sultanah Alor Setar, Kedah. Jenis kediaman yang terdapat di kawasan taman perumahan ini hanya terdiri daripada rumah teres dua tingkat. Terdapat sebanyak 1,600 unit rumah teres dua tingkat di taman perumahan ini. Berdasarkan jadual penentuan saiz sampel yang disediakan oleh Krejcie dan Morgan (1970), bilangan sampel yang terlibat adalah sebanyak 310 orang (Uma Sekaran & Bougie, 2010). Menurut Schumacher dan McMillan (1993), bagi kajian tinjauan, bilangan sampel yang sesuai adalah lebih kurang 100 responden.

Bagi kajian ini, sebanyak 154 borang atau 49.7 peratus borang yang telah lengkap diisi dikembalikan dan dianalisis. Menurut Abdullah (2000) dan Che Su (2000), sekiranya 40 peratus responden yang memberikan maklum balas terhadap soal selidik, ia adalah mencukupi (Syed Abdul Rahman, Jamaludin, Rosli & Mohd Hilmi, 2010). Manakala menurut Sekaran (2010), sekiranya lebih daripada 25 peratus item dalam borang soal selidik tidak dijawab sepenuhnya, maka borang soal selidik berkenaan perlu dikeluarkan daripada analisis. Bagi kajian ini, kadar maklum balas yang diperolehi adalah boleh diterima dan kebanyakan borang soal selidik yang dikembalikan dijawab dengan sepenuhnya.

3.7 Analisis Data

Data daripada soal selidik dianalisis secara statistik deskriptif agar maklumat yang dipersembahkan dapat menerangkan dengan jelas dan mudah difahami. Perisian *Statistic Package for Social Science (SPSS) for Windows* digunakan untuk memproses data yang melibatkan frekuensi, *cross tabulation* dan *mean*. Analisis diskriptif dijalankan terhadap faktor-faktor demografi di mana data-data yang digunakan bersifat skala nominal dan ordinal. Ianya digunakan untuk mengenal pasti latar belakang responden yang terlibat dalam kajian ini.

Chua (2006) mengatakan bahawa analisis inferensi digunakan untuk menghuraikan perhubungan antara suatu pemboleh ubah dengan pemboleh ubah yang lain. Tujuan penggunaannya adalah untuk membuat generalisasi tentang

perhubungan antara pemboleh ubah dalam sampel kajian kepada populasi kajian. Ini bererti analisis tersebut digunakan untuk membuat kesimpulan tentang ciri-ciri populasi berdasarkan ciri-ciri sampel. Kajian ini menggunakan ujian Korelasi Pearson untuk menguji hipotesis seterusnya menjawab persoalan dan objektif kajian.

Bagi menjawab objektif kajian yang ketiga iaitu untuk mengenal pasti langkah-langkah pencegahan jenayah yang ada di bawah Program Bandar Selamat yang sesuai dilaksanakan di kawasan kajian, julat *mean* skor digunakan untuk menentukan tahap persepsi responden terhadap tahap pelaksanaan konsep Bandar Selamat. *Mean* skor 3.68 – 5.00 menunjukkan tahap persepsi yang tinggi, *mean* skor 2.34 – 3.67 menunjukkan tahap persepsi yang sederhana sementara *mean* skor 1.00 - 2.33 menunjukkan tahap persepsi yang rendah (Levin & Rubin, 2000).

3.8 Ujian Rintis (*Pilot Test*)

Ujian rintis dilakukan terlebih dahulu sebelum pengumpulan data dilaksanakan. Ujian rintis ini menggunakan kaedah yang sama dengan kajian sebenar supaya potensi masalah dalam kajian sebenar dapat dikenal pasti (Cooper & Schindler, 2006). Responden dalam ujian rintis perlu melengkapkan soal selidik dalam situasi yang sama dengan kajian tinjauan sebenar (Hair, Babin, Money & Samouel, 2003).

Ujian ini bertujuan untuk menguji soalan soal selidik sama ada ianya sesuai dan difahami oleh responden bagi tujuan untuk menentukan kesahihan atau kebolehpercayaan soalan. Ia bertujuan untuk mengetahui sama ada wujud sebarang

kekeliruan dalam item pengukuran iaitu item yang kurang jelas, arahan menjawab soalan, istilah, terma, bahasa dan persembahan soal selidik (Chua, 2006). Di samping itu ia dapat menentukan sebarang masalah berhubung dengan struktur dan rekabentuk soalan dalam soal selidik. Sebarang kelemahan yang ada dapat diperbaiki sebelum penyelidikan yang sebenar dilaksanakan. Setelah ujian rintis dijalankan, soal selidik dipinda berpandukan kepada maklum balas yang diterima daripada responden semasa ujian rintis dilakukan.

Seperti yang telah dimaklumkan di para 3.2, soalan-soalan yang digunakan dalam soal selidik diambil daripada beberapa soal selidik yang telah digunakan oleh penyelidik-penyelidik sebelum ini. Walaupun soalan-soalan tersebut telah digunakan oleh pengkaji terdahulu, namun ujian rintis masih perlu dijalankan bagi menguji kesesuaian soalan dengan sampel kajian ini. Bilangan responden yang terlibat dalam ujian rintis adalah seramai 40 orang yang terdiri daripada penduduk di Taman Perumahan Taman Uda, Jalan Sultanah Alor Setar, Kedah.

Analisis kebolehpercayaan soal selidik menggunakan skala Alpha Cronbach iaitu koefisien atau pekali kebolehpercayaan. Mengikut skala Alpha Cronbach, tahap kebolehpercayaan adalah lemah sekiranya nilai Alpha Cronbach adalah kurang daripada 0.6 dan tahap kebolehpercayaan adalah tinggi sekiranya nilai Alpha Cronbach adalah menghampiri 1.00. Jadual 3.1 menunjukkan nilai Alpha Cronbach yang diperolehi daripada ujian rintis bagi item-item tahap keselamatan, kebimbangan terhadap jenayah dan tahap pelaksanaan konsep Bandar Selamat.

Instrumen yang digunakan untuk mengukur ketiga-tiga item ini didapati mempunyai ketekalan dalaman yang tinggi melalui teknik Alpha Cronbach.

Jadual 3.1: Kebolehpercayaan (*Reliability*) Statistik

Pemboleh ubah	Alpha Cronbach Pra-Kajian
Tahap Keselamatan	0.84
Kebimbangan Terhadap Jenayah	0.97
Pelaksanaan Konsep Bandar Selamat	0.94
N	40

3.9 Rumusan Bab

Bab ini secara keseluruhannya telah membincangkan rekabentuk kajian, populasi dan kaedah persampelan yang digunakan dalam menjalankan kajian serta menjelaskan teknik pengumpulan data bagi memperolehi data-data yang diperlukan. Selain itu bab ini juga telah menerangkan rekabentuk borang soal selidik yang turut mengandungi instrumen dan kaedah pengukuran bagi pembolehubah tidak bersandar dan pembolehubah bersandar disamping menjelaskan kaedah analisis yang akan digunakan. Bab seterusnya akan membincangkan keputusan hasil kajian yang diterbitkan melalui analisis data-data yang diperolehi.

BAB 4

ANALISIS DAN PENEMUAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan hasil analisis ke atas maklum balas yang diberi oleh responden dalam borang soal selidik yang telah diedarkan. Hasil analisis ini dibahagikan kepada empat bahagian mengikut susunan dalam borang soal selidik iaitu demografi, tahap keselamatan, kebimbangan terhadap jenayah dan langkah-langkah pencegahan jenayah. Analisis ini adalah bertujuan untuk menjawab objektif-objektif kajian seperti yang telah dinyatakan dalam Bab Satu dan menguji hipotesis-hipotesis yang telah dinyatakan dalam Bab Dua.

4.2 Pemeriksaan Data

Pemeriksaan data dibuat dengan tujuan untuk memastikan data yang sebenar dan sesuai sahaja digunakan untuk tujuan analisis. Bagi tujuan tersebut, pemeriksaan data dilakukan melalui ujian *normality* dan ujian *linearity*.

4.2.1 Ujian *Normality*

Ujian *normality* merupakan pra-syarat bagi menjalankan kaedah statistik inferensi (Hair, Babin, Money, & Samouel, 2003). Ia digunakan untuk memastikan sama ada data yang dipungut mempunyai taburan normal atau hampir normal. Taburan data adalah normal sekiranya nilai Skewness dan Kurtosis adalah ± 2.0 (Chua, 2006). 57

Hasil ujian *normality* adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.1. Ujian *normality* menunjukkan ketiga-tiga pemboleh ubah bertabur secara normal di mana nilai Skewness dan Kurtosis adalah antara ± 2.0 .

Jadual 4.1: Hasil Ujian *Normality*

Pemboleh Ubah	Nilai Statistik		Kesimpulan
Tahap keselamatan	Skewness	0.075	Taburan berbentuk normal
	Kurtosis	-0.836	
Tahap keseimbangan	Skewness	0.288	Taburan berbentuk normal
	Kurtosis	-0.887	
Bandar Selamat	Skewness	-0.088	Taburan berbentuk normal
	Kurtosis	0.440	

Menurut Coakes, Steed & Dzidic (2006), kaedah yang paling mudah untuk membuat ujian *normality* adalah dengan menggunakan rajah grafik seperti *histogram*, *normal P-P plot*, *normal Q-Q plot*, *stem-and-leaf-plot*, *box-plot*, *dandetrended normal plot* untuk membuktikan taburan data adalah normal. Jika sampel mempunyai taburan normal, semua kes akan terletak dekat dengan garisan lurus (Coakes et al., 2006).

4.2.2 Ujian *Linearity*

Selain ujian *normality*, ujian *linearity* juga sangat penting sebagai pra-syarat bagi kaedah statistik inferensi. Andaian mengenai *linearity* perlu dilakukan ke atas setiap pemboleh ubah tidak bersandar secara berasingan. Andaian mengenai *linearity* boleh berlaku apabila kelompok skor berada di sekitar garisan regresi bagi memastikan andaian mengenai “*homoscedasticity*” tidak dilanggar (Coakes, et al., 2006). Pallant (2001) menganjurkan bahawa hanya hubungan yang *linear* sahaja sesuai menjalani analisis korelasi. Oleh itu analisis inferensi bagi pemboleh ubah ini boleh dijalankan secara konsisten dengan hipotesis kajian.

4.3 Kebolehpercayaan Kajian Sebenar

Hasil analisis kebolehpercayaan yang diperolehi daripada kajian sebenar menggunakan skala *Alpha Cronbach* ke atas item tahap keselamatan, kebimbangan terhadap jenayah dan tahap pelaksanaan konsep Bandar Selamat adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.2. Instrumen yang digunakan untuk mengukur ketiga-tiga item mempunyai ketekalan dalaman yang tinggi melalui teknik Alpha Cronbach.

Jadual 4.2: Kebolehpercayaan (*Reliability*) Statistik

Pemboleh ubah	Bilangan Item	Alfa Cronbach Kajian Sebenar
Tahap Keselamatan	13	0.870
Kebimbangan Terhadap Jenayah	9	0.983
Pelaksanaan Konsep Bandar Selamat	14	0.916
N		154

Sumber: Kajian Lapangan (2014)

4.4 Maklumat Demografi

4.4.1 Jantina

Hasil analisis mendapati seramai 50.6 peratus atau 78 orang adalah responden lelaki manakala 49.4 peratus atau 76 orang adalah responden perempuan. Ini menunjukkan bahawa bilangan responden adalah seimbang dari segi jantina. Maklumat jantina responden adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.3.

Jadual 4.3: Bilangan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Frekuensi	Peratus
Lelaki	78	50.6
Perempuan	76	49.4
Jumlah	154	100.0

Sumber: Kajian Lapangan (2014)

4.4.2 Bangsa

Dari segi komposisi bangsa, 48.1 peratus atau 74 orang responden adalah berbangsa Melayu, diikuti 40.9 peratus atau 63 orang responden berbangsa Cina dan 10.4 peratus atau 16 orang berbangsa India. Selebihnya adalah lain-lain bangsa iaitu 0.6 peratus atau seorang responden. Hasil analisis ini menunjukkan bahawa majoriti penduduk di taman perumahan ini adalah terdiri daripada mereka yang berbangsa Melayu dan Cina. Manakala kaum India dan lain-lain merupakan penduduk minoriti di kawasan taman perumahan ini. Maklumat mengenai bangsa adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.4.

Jadual 4.4: Bilangan Responden Mengikut Bangsa

Bangsa	Frekuensi	Peratus
Melayu	74	48.1
Cina	63	40.9
India	16	10.4
Lain-lain	1	0.6
Jumlah	154	100.0

4.4.3 Umur

Dari segi umur, hasil kajian menunjukkan 54.5 peratus atau 84 orang daripada responden adalah berumur antara 41 hingga 50 tahun. Ini diikuti oleh 24 peratus atau 37 orang responden dalam kategori umur 31 hingga 40 tahun, 13 peratus atau 20 orang responden dalam lingkungan umur 51 tahun ke atas dan 7.1 peratus atau 11 orang responden adalah berumur 21 hingga 30 tahun. Manakala selebihnya iaitu 1.3 peratus atau dua orang berumur antara 15 hingga 20 tahun. Maklumat mengenai komposisi umur responden adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.5.

Jadual 4.5: Bilangan Responden Mengikut Umur

Umur (Tahun)	Frekuensi	Peratus
15-20	2	1.3
21-30	11	7.1
31-40	37	24.0
41-50	84	54.5
51 ke atas	20	13.0
Jumlah	154	100.0

4.4.4 Kelayakan Akademik

Dari segi kelayakan akademik, majoriti responden adalah mereka yang berpendidikan tinggi di mana 70.8 peratus atau 109 orang responden memiliki tahap kelayakan ijazah/sarjana/PhD. Ini diikuti oleh 20.1 peratus atau 31 orang responden memiliki tahap pencapaian Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)/Sijil/Diploma dan seramai 7.8 peratus atau 12 orang memiliki tahap pencapaian Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Manakala selebihnya iaitu 0.6 peratus atau seorang responden

memiliki kelulusan Sijil Rendah Pelajaran (SRP)/Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan 0.6 peratus atau seorang responden memiliki lain-lain kelayakan akademik. Maklumat mengenai kelayakan akademik adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.6.

Jadual 4.6: Bilangan Responden Mengikut Kelayakan Akademik

Tahap Pendidikan	Frekuensi	Peratus
SRP/PMR	1	0.6
SPM	12	7.8
STPM/Sijil/Diploma	31	20.1
Ijazah/Sarjana/Phd	109	70.8
Lain-Lain	1	0.6
Jumlah	154	100.0

4.4.5 Status Perkahwinan

Bagi analisis ke atas status perkahwinan, didapati 77.9 peratus atau 120 orang responden sudah berkahwin, diikuti 14.9 peratus atau 23 orang responden masih bujang dan hanya 7.1 peratus atau 11 responden berstatus duda/janda. Maklumat mengenai status perkahwinan responden adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.7.

Jadual 4.7: Bilangan Responden Mengikut Status Perkahwinan

Status Perkahwinan	Frekuensi	Peratus
Bujang	23	14.9
Kahwin	120	77.9
Janda/duda	11	7.1
Jumlah	154	100.0

4.4.6 Pendapatan Keluarga

Analisis ke atas pendapatan keluarga mendapati 55.8 peratus atau 86 orang memperoleh pendapatan keluarga sebanyak RM7,001 ke atas. Ini diikuti oleh seramai 35.1 atau 54 orang responden memperoleh pendapatan keluarga sebanyak RM5,001 hingga RM7,000. Manakala seramai 7.8 peratus atau 12 orang responden memperoleh pendapatan keluarga dalam lingkungan RM3,001 hingga RM5,000 dan selebihnya iaitu 1.3 peratus atau dua orang responden memperoleh pendapatan keluarga sebanyak RM1,001 hingga RM3,000. Maklumat mengenai pendapatan keluarga responden adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.8.

Jadual 4.8: Bilangan Responden Mengikut Pendapatan Keluarga

Pendapatan (RM)	Frekuensi	Peratus
1,001-3,000	2	1.3
3,001-5,000	12	7.8
5,001-7,000	54	35.1
7,001 dan lebih	86	55.8
Jumlah	154	100.0

4.4.7 Nilai Semasa Rumah

Dari segi nilai semasa rumah, 69.5 peratus atau 107 orang responden menyatakan bahawa nilai semasa rumah mencecah RM500,001 dan ke atas. Ini diikuti seramai 29.9 peratus atau 46 orang responden menyatakan nilai semasa rumah di antara RM400,000 hingga RM500,000. Manakala selebihnya iaitu 0.6 peratus atau seorang responden menyatakan nilai semasa rumah dalam lingkungan RM300,001. Maklumat mengenai nilai semasa rumah adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.9.

Jadual 4.9: Bilangan Responden Mengikut Nilai Semasa Rumah

Nilai Semasa Rumah (RM)	Frekuensi	Peratus
300,000-400,000	1	0.6
400,001-500,000	46	29.9
500,001 dan lebih	107	69.5
Jumlah	154	100.0

4.4.8 Tempoh Tinggal di Kediaman Sekarang

Analisis ke atas tempoh tinggal di kediaman sekarang menunjukkan 33.1 peratus atau 51 orang responden telah tinggal di kediaman mereka dalam tempoh 4 hingga 6 tahun. Ini diikuti oleh 33.1 peratus atau 51 orang telah tinggal di kediaman sekarang bagi tempoh 7 hingga 10 tahun. Manakala 19.5 peratus atau 30 orang responden telah tinggal di kediaman sekarang dalam tempoh melebihi 10 tahun dan 13.6 peratus atau 21 orang telah tinggal di kediaman sekarang dalam tempoh 1 hingga 3 tahun. Selebihnya iaitu 0.6 peratus atau seorang responden telah tinggal di

kediaman sekarang kurang dari 3 tahun. Maklumat mengenai tempoh tinggal di kediaman sekarang adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.10.

Jadual 4.10: Bilangan Responden Mengikut Tempoh Tinggal di Kediaman

Tempoh Tinggal (Tahun)	Frekuensi	Peratus
Kurang 1 tahun	1	0.6
1-3 Tahun	21	13.6
4-6 Tahun	51	33.1
7-10	51	33.1
Lebih 10 Tahun	30	19.5
Jumlah	154	100.0

4.4.9 Hak Milik Rumah

Dari segi hak milik rumah yang diduduki pula, 81.2 peratus atau 125 orang responden menyatakan bahawa rumah yang diduduki adalah rumah sendiri. Manakala 17.5 peratus atau 27 responden menyatakan bahawa rumah yang diduduki adalah rumah sewa. Selebihnya, iaitu 1.3 peratus atau 2 orang responden tinggal bersama keluarga. Maklumat mengenai hakmilik rumah adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.11.

Jadual 4.1: Bilangan Responden Mengikut Hak Milik Rumah

Hak Milik Rumah	Frekuensi	Peratus
Sendiri	125	81.2
Sewa	27	17.5
Tinggal Bersama Keluarga	2	1.3
Jumlah	154	100.0

4.5 Tahap Keselamatan di Kawasan Taman Perumahan

Analisis ke atas tahap keselamatan di kawasan taman perumahan dibuat bagi menentukan tahap keselamatan di taman perumahan tersebut mengikut persepsi penduduk setempat. Persepsi responden mengikut jantina ke atas tahap keselamatan menunjukkan bahawa kebanyakan responden iaitu 63 peratus atau 97 orang responden tidak pasti mengenai tahap keselamatan di kawasan taman perumahan mereka adalah terjamin. Berdasarkan kepada Jadual 4.12, didapati kedua-dua jantina menyatakan tidak pasti mengenai tahap keselamatan di kawasan taman perumahan yang mereka diami. Jumlah ini melibatkan 31.8 peratus atau 49 orang responden perempuan dan 31.2 peratus atau 48 orang responden lelaki. Jadual 4.12 menunjukkan *cross tabulation* di antara jantina dan tahap keselamatan. Hasil analisis ke atas tahap keselamatan di kawasan perumahan pula adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.13.

Jadual 4.12: Jantina dan Tahap Keselamatan

Jantina	Tahap Keselamatan					
	Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju	
	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%
Lelaki	27	17.5	48	31.2	3	1.9
Perempuan	27	17.5	49	31.8	0	0
Jumlah	54	35	97	63.0	3	1.9

Jadual 4.13: Kekerapan Persepsi Responden Terhadap Tahap Keselamatan di Kawasan Taman Perumahan

	Jumlah (N)	Sangat Tidak Setuju	Kurang Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Mean	Tahap Persepsi Responden
		(1)	(2)	(3)	(4)	(5)		
1. Pihak polis sentiasa menjalankan rondaan.	154	2 1.2%	46 29.9%	71 46.1%	34 22.1%	1 0.6%	2.91	Sederhana
2. Rukun Tetangga aktif menjalankan aktiviti atau program.	154	29 18.8%	47 30.5%	74 48.1%	4 2.6%	0 0.0%	2.34	Sederhana
3. Kes kecurian sering berlaku di kawasan perumahan ini.	154	11 7.1%	54 35.1%	65 42.2%	24 15.6%	0 0.0%	2.66	Sederhana
4. Kes pecah rumah sering berlaku di kawasan taman perumahan ini.	154	11 7.1%	54 35.1%	65 42.2%	24 15.6%	0 0.0%	2.66	Sederhana
5. Kes ragut sering berlaku di kawasan taman perumahan ini.	154	32 20.8%	54 35.1%	50 32.5%	18 11.7%	0 0.0%	2.35	Sederhana
6. Terdapat ramai penagih dadah di sekitar kawasan taman perumahan ini.	154	74 48.1%	31 20.1%	48 31.2%	1 0.6%	0 0.0%	1.84	Rendah
7. Terdapat kumpulan remaja melepak di sekitar kawasan taman perumahan ini.	154	73 47.4%	33 21.4%	46 29.9%	2 1.3%	0 0.0%	1.85	Rendah
8. Kawasan taman perumahan ini mudah untuk dimasuki oleh orang luar.	154	2 1.3%	12 7.8%	86 55.8%	53 34.4%	0 0.0%	3.25	Sederhana
9. Terdapat banyak jalan akses untuk memasuki kawasan taman perumahan ini.	154	2 1.3%	20 13.0%	44 28.6%	88 57.1%	0 0.0%	3.42	Sederhana
10. Interaksi komuniti di kawasan taman perumahan ini amat baik.	154	1 0.6%	5 3.2%	69 44.8%	79 51.3%	0 0.0%	3.47	Sederhana
11. Terdapat persatuan penduduk yang aktif menjalankan aktiviti komuniti dalam kawasan taman perumahan ini.	154	50 32.5%	45 29.2%	56 36.4%	3 1.9%	0 0.0%	2.08	Rendah
12. Program pendidikan dan kesedaran keselamatan awam diadakan dengan kerjasama antara Persatuan Penduduk dan pihak polis	154	48 31.2%	46 29.9%	55 35.7%	5 3.2%	0 0.0%	2.11	Rendah
13. MBAS telah memberikan tumpuan kepada aspek keselamatan di kawasan taman perumahan ini.	154	49 31.8%	47 30.5%	55 35.7%	3 1.9%	0 0.0%	2.08	Rendah
Nilai Keseluruhan							2.54	Sederhana

Sumber: Kerja Lapangan Kajian (2014)

Berdasarkan Jadual 4.13, hasil analisis mendapati persepsi responden terhadap keseluruhan tahap keselamatan di kawasan taman perumahan adalah pada tahap sederhana dengan nilai *mean* keseluruhan adalah 2.54. Ini dibuktikan dengan kebanyakan trend responden yang lebih cenderung memilih “sederhana” dan “rendah” yang mana julat nilai *mean* adalah di antara 1.84 hingga 3.47. Nilai *mean* yang tinggi menunjukkan bahawa responden sangat bersetuju dengan tahap keselamatan di taman perumahan dan begitulah sebaliknya.

Hasil kajian menunjukkan nilai *mean* yang sederhana iaitu 2.91 bagi rondaan pihak polis di kawasan taman perumahan. Kebanyakan responden iaitu 46.1 peratus responden tidak pasti sama ada pihak polis sentiasa menjalankan rondaan di kawasan taman perumahan, manakala 29.9 peratus kurang setuju dan 22.1 peratus pula bersetuju bahawa pihak polis sentiasa menjalankan rondaan di kawasan taman perumahan. Oleh itu, adalah diandaikan bahawa penduduk tidak pasti sama ada pihak polis menjalankan rondaan di kawasan taman perumahan ini.

Bagi analisis ke atas aktiviti Rukun Tetangga, nilai *mean* yang dihasilkan juga adalah sederhana iaitu 2.34. Kebanyakan responden iaitu 48.1 peratus tidak pasti, manakala 30.5 peratus kurang setuju bahawa Rukun Tetangga aktif menjalankan aktiviti di kawasan taman perumahan ini. Oleh itu dapat diandaikan bahawa kebanyakan penduduk tidak mengetahui mengenai aktiviti yang dijalankan oleh Rukun Tetangga di kawasan taman perumahan ini.

Dari segi interaksi komuniti pula, nilai *mean* yang dihasilkan adalah pada tahap sederhana iaitu 3.47, di mana 51.3 peratus setuju manakala 44.8 peratus tidak pasti bahawa interaksi komuniti di kawasan taman perumahan ini adalah baik. Oleh itu, dapat diandaikan bahawa interaksi komuniti di kawasan taman perumahan ini adalah baik.

Bagi analisis ke atas aktiviti Persatuan Penduduk pula, nilai *mean* yang dihasilkan adalah rendah iaitu 2.08. Kebanyakan responden iaitu 61.7 peratus kurang setuju, manakala 36.4 peratus tidak pasti bahawa Persatuan Penduduk aktif menjalankan aktiviti di kawasan taman perumahan ini. Oleh itu dapat diandaikan bahawa Persatuan Penduduk tidak aktif menjalankan aktiviti di kawasan taman perumahan ini.

Bagi analisis ke atas kes kecurian, kes pecah rumah dan kes ragut, nilai *mean* yang dihasilkan juga adalah sederhana iaitu 2.66 (kes kecurian), 2.66 (kes pecah rumah) dan 2.35 (kes ragut). Bagi kes kecurian dan kes pecah rumah, kebanyakan responden iaitu 42.2 peratus tidak pasti, manakala 35.1 peratus kurang setuju bahawa kes kecurian dan kes pecah rumah sering berlaku di taman perumahan ini. Manakala bagi kes ragut, 35.1 peratus kurang setuju, 32.5 peratus tidak pasti dan 20.8 peratus sangat tidak setuju bahawa kes ragut sering berlaku di kawasan taman perumahan ini. Secara kesimpulannya, dapat diandaikan bahawa kes kecurian, kes pecah rumah dan kes ragut jarang berlaku di kawasan taman perumahan ini.

Analisis ke atas aktiviti penagihan dadah dan aktiviti remaja melepak pula menghasilkan nilai *mean* yang rendah iaitu 1.84 dan 1.85. Majoriti responden iaitu 68.2 peratus tidak bersetuju bahawa terdapat ramai penagih dadah di kawasan taman perumahan ini. Manakala bagi aktiviti remaja melepak, 68.8 peratus tidak setuju dan 29.9 peratus tidak pasti bahawa terdapat kumpulan remaja melepak di kawasan taman perumahan ini. Oleh itu, dapat diandaikan bahawa aktiviti penagihan dadah dan remaja melepak tiada dalam pengetahuan penduduk di kawasan taman perumahan ini. Jika terdapat kegiatan seperti ini, mereka yang terlibat adalah tidak ramai.

Dari segi akses oleh orang luar dan banyaknya jalan masuk ke kawasan taman perumahan, analisis menghasilkan nilai *mean* yang sederhana iaitu 3.25 dan 3.42. Majoriti responden iaitu 55.8 peratus tidak pasti, manakala 34.4 peratus setuju bahawa kawasan taman perumahan ini mudah dimasuki oleh orang luar. Manakala bagi banyaknya jalan masuk ke taman perumahan, lebih separuh daripada bilangan responden iaitu 57.1 peratus setuju bahawa terdapat banyak jalan masuk ke kawasan taman perumahan, manakala 28.6 peratus tidak pasti. Oleh itu, dapat diandaikan bahawa kawasan taman perumahan ini mudah dimasuki oleh orang luar kerana terdapat banyak jalan masuk ke kawasan taman perumahan ini.

Analisis ke atas program pendidikan dan kesedaran mengenai aspek keselamatan awam yang diadakan dengan kerjasama antara Persatuan Penduduk dan pihak polis pula menghasilkan nilai *mean* yang rendah iaitu 2.11. Kebanyakan responden iaitu 61.1 peratus tidak bersetuju dan 35.7 peratus tidak pasti bahawa program pendidikan dan kesedaran mengenai aspek keselamatan awam dengan kerjasama antara Persatuan Penduduk dan pihak polis diadakan di kawasan taman

perumahan ini. Oleh itu, dapat diandaikan bahawa penduduk tidak mengetahui mengenai program pendidikan dan kesedaran mengenai aspek keselamatan awam yang diadakan di kawasan taman perumahan ini hasil kerjasama antara Persatuan Penduduk dan pihak polis.

Dari segi analisis ke atas peranan MBAS menghasilkan nilai *mean* yang rendah iaitu 2.08. Kebanyakan responden iaitu 35.7 peratus tidak pasti manakala 31.8 peratus sangat tidak bersetuju dan 30.5 peratus kurang setuju bahawa MBAS telah memberikan tumpuan kepada aspek keselamatan yang di bawah bidang kuasanya di kawasan taman perumahan ini. Oleh itu, dapat diandaikan bahawa MBAS kurang menumpukan kepada aspek keselamatan yang di bawah bidang kuasanya di kawasan taman perumahan ini.

4.6 Tahap Kebimbangan Terhadap Jenayah di Kawasan Taman Perumahan

Analisis ke atas tahap kebimbangan terhadap jenayah di kawasan taman perumahan dibuat bagi menentukan tahap kebimbangan terhadap jenayah mengikut persepsi penduduk setempat. *Recode* dilakukan ke atas soalan- yang berbentuk negatif di Bahagian C borang soal selidik iaitu bagi soalan satu hingga sembilan. Hasil analisis ke atas tahap kebimbangan terhadap jenayah di kawasan perumahan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.14.

Jadual 4.14: Jadual Kekerapan Persepsi Responden Bagi Tahap Kebimbangan Terhadap Jenayah di Kawasan Taman Perumahan

Elemen	Jumlah (N)	Sangat Bimbang	Bimbang	Tidak Pasti	Kurang Bimbang	Tidak Bimbang	Mean	Tahap Persepsi Responden
		(1)	(2)	(3)	(4)	(5)		
1. Kebimbangan mengenai jenayah di kawasan perumahan.	154	3 1.9%	30 19.5%	32 20.8%	79 51.3%	10 6.5%	3.25	Sederhana
2. Kebimbangan ketika beriadah di kawasan taman perumahan di waktu pagi.	154	1 0.6%	26 16.9%	35 22.7%	68 44.2%	24 15.6%	3.57	Sederhana
3. Kebimbangan ketika beriadah di kawasan taman perumahan di waktu petang.	154	1 0.6%	26 16.9%	32 20.8%	71 46.1%	24 15.6%	3.59	Sederhana
4. Kebimbangan jika rumah dipecah masuk dan barangan berharga 3.25dicuri.	154	4 2.6%	40 26.0%	30 19.5%	69 44.8%	11 7.1%	3.28	Sederhana
5. Kebimbangan jika disamun dan dirompak ketika berada di kawasan taman perumahan tempat tinggal.	154	3 1.9%	43 27.9%	31 20.1%	66 42.9%	11 7.1%	3.25	Sederhana
6. Keimbangan jika kereta dicuri di kawasan taman perumahan tempat tinggal.	154	3 1.9%	41 26.6%	29 18.8%	70 45.5%	11 7.1%	3.29	Sederhana
7. Kebimbangan apabila berjalan bersendirian di kawasan perumahan pada waktu waktu malam.	154	0 0.0%	27 17.5%	37 24.0%	78 50.6%	12 7.8%	3.49	Sederhana
8. Kebimbangan apabila berjalan bersendirian di kawasan perumahan pada waktu siang.	154	0 0.0%	27 17.5%	37 24.0%	78 50.6%	12 7.8%	3.49	Sederhana
9. Kebimbangan apabila berada bersendirian di rumah pada waktu malam.	154	0 0.0%	26 16.9%	38 24.7%	79 51.3%	11 7.1%	3.49	Sederhana
Nilai keseluruhan							3.43	Sederhana

Sumber: Kerja Lapangan (2014)

Berdasarkan Jadual 4.14, hasil kajian mendapati persepsi responden terhadap tahap kebimbangan terhadap jenayah di kawasan taman perumahan adalah pada tahap sederhana dengan nilai *mean* keseluruhan adalah 3.43. Ini dibuktikan dengan kebanyakan trend responden yang lebih cenderung memilih “sederhana” yang mana julat nilai *mean* adalah di antara 3.25 hingga 3.59. Nilai *mean* yang tinggi menunjukkan bahawa responden tidak bimbang mengenai jenayah di kawasan taman perumahan dan begitulah sebaliknya.

Hasil analisis ke atas tahap kebimbangan ketika beriadah di kawasan taman perumahan di waktu pagi dan petang menghasilkan nilai *mean* yang sederhana iaitu 3.57 (pagi) dan 3.59 (petang). Kebanyakan responden iaitu 44.2 peratus responden kurang bimbang, 15.6 peratus tidak bimbang, 22.7 peratus tidak pasti dan 16.9 peratus bimbang ketika beriadah di kawasan taman perumahan di waktu pagi. Manakala bagi waktu petang pula, 46.1 peratus responden kurang bimbang, 15.6 peratus tidak bimbang, 20.8 peratus tidak pasti dan 16.9 peratus bimbang ketika beriadah di kawasan taman perumahan. Oleh itu, dapat diandaikan bahawa penduduk tidak berasa bimbang ketika beriadah di kawasan taman perumahan pada waktu pagi dan petang.

Dari segi analisis ke atas kebimbangan jika rumah dipecah masuk dan barangan berharga dicuri, dan kebimbangan jika disamun dan dirompak ketika berada di kawasan taman perumahan juga menghasilkan nilai *mean* yang sederhana iaitu 3.28 (pecah masuk dan curi) dan 3.25 (samun dan rompak). Ini ditunjukkan oleh 44.8 peratus responden kurang bimbang, 7.1 peratus tidak bimbang, 19.5

peratus tidak pasti, 26 peratus bimbang dan 2.6 peratus sangat bimbang jika rumah dipecah masuk dan barangan berharga dicuri. Manakala bagi samun dan rompak pula, 42.9 peratus responden kurang bimbang, 7.1 peratus tidak bimbang, 20.1 peratus tidak pasti, 27.9 peratus bimbang dan 1.9 peratus sangat bimbang. Oleh itu, dapat diandaikan bahawa penduduk tidak berasa bimbang mengenai kejadian pecah masuk, kecurian, samun dan rompak di kawasan taman perumahan.

Analisis ke atas kebimbangan jika kereta dicuri di kawasan taman perumahan tempat tinggal pula menghasilkan nilai *mean* yang sederhana iaitu 3.29. Dari segi peratusan pula, 45.5 peratus responden kurang bimbang, 7.1 peratus tidak bimbang, 18.8 peratus tidak pasti, 26.6 peratus bimbang dan 1.9 peratus sangat bimbang. Oleh itu, dapat diandaikan bahawa penduduk tidak berasa bimbang mengenai kejadian curi kereta di kawasan taman perumahan.

Begitu juga dengan analisis ke atas kebimbangan apabila berjalan bersendirian di kawasan perumahan pada waktu malam/siang dan kebimbangan apabila berada bersendirian di rumah pada waktu malam menghasilkan nilai *mean* yang sederhana iaitu 3.49. Dari segi peratusan, 50.6 peratus responden kurang bimbang, 7.1 peratus tidak bimbang, 24 peratus tidak pasti dan 17.5 peratus bimbang apabila berjalan bersendirian di kawasan taman perumahan pada waktu malam/siang. Manakala bagi kebimbangan apabila berada bersendirian di rumah pada waktu malam pula, 51.3 peratus responden kurang bimbang, 7.1 peratus tidak bimbang, 24.7 peratus tidak pasti dan 16.9 peratus bimbang. Oleh itu, dapat

diandaikan bahawa keadaan pada waktu siang dan malam di kawasan taman perumahan adalah tidak membimbangkan penduduk yang menetap di situ.

4.7 Tahap Kepentingan Langkah-langkah Pencegahan Jenayah di Bawah Program Bandar Selamat

Analisis ke atas tahap kepentingan langkah-langkah pencegahan jenayah di bawah Program Bandar Selamat dari persepsi penduduk dibuat bagi mengenal pasti langkah-langkah pencegahan jenayah yang paling sesuai dilaksanakan di taman perumahan tersebut mengikut persepsi penduduk setempat. Daripada 15 langkah pencegahan jenayah yang ada, hanya 14 langkah yang akan dinilai. Ini kerana langkah pencegahan jenayah yang ke 15 iaitu Agenda Tetap Bulanan Dalam Mesyuarat Majlis Penuh PBT tidak melibatkan pelaksanaan di kawasan taman perumahan. Tahap kepentingan langkah pencegahan jenayah dari persepsi responden adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.15.

Jadual 4.15: Persepsi Responden Terhadap Kepentingan Langkah Pencegahan Jenayah di Bawah Program Bandar Selamat

Elemen	Jumlah (N)	Sangat Tidak Penting (1)	Kurang Penting (2)	Sederhana Penting (3)	Penting (4)	Sangat Penting (5)	Mean	Tahap Persepsi Responden
1. Pengasingan laluan pejalan kaki daripada laluan bermotor.	154	33 21.4%	27 17.5%	62 40.9%	26 16.9%	5 3.2%	2.63	Sederhana
2. Pelaksanaan reka bentuk persekitaran yang selamat (CPTED).	154	11 7.1%	24 15.6%	67 43.5%	39 24.3%	13 8.4%	3.12	Sederhana
3. Pemetaan GIS jenayah dan Program Bandar Selamat.	154	7 4.5%	23 14.9%	67 43.5%	34 22.1%	23 14.9%	3.28	Sederhana
4. Penyediaan balai polis tetap atau bergerak.	154	1 0.6%	8 5.2%	29 18.8%	27 17.5%	89 57.8%	4.27	Tinggi
5. Penyediaan cermin keselamatan.	154	5 3.2%	26 16.9%	81 52.6%	36 23.4%	6 3.9%	3.08	Sederhana
6. Penyediaan papan tanda peringatan jenayah.	154	4 2.6%	26 16.9%	75 48.7%	36 23.4%	13 8.4%	3.18	Sederhana
7. Penyediaan penggera keselamatan.	154	5 3.2%	22 14.3%	62 40.3%	32 20.8%	33 21.4%	3.43	Sederhana
8. Penyediaan tempat motosikal berkunci.	154	32 20.8%	30 19.5%	61 39.6%	25 16.2%	6 3.9%	3.63	Sederhana
9. Pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan perniagaan dan tempat awam.	154	1 0.6%	13 8.4%	44 28.6%	31 20.1%	65 42.2%	3.95	Tinggi
10. Pencahayaan di kawasan sasaran seperti belakang rumah / bangunan dan di kaki lima premis perniagaan dan perumahan.	154	3 1.9%	22 14.3%	79 51.3%	35 22.7%	15 9.7%	3.24	Sederhana
11. Laluan awam tidak terlindung daripada pandangan awam.	154	5 3.2%	24 15.6%	77 50.0%	35 22.7%	13 8.4%	3.18	Sederhana
12. Penjanaan aktiviti bersesuaian di kawasan terdedah jenayah	154	5 3.2%	22 14.3%	79 51.3%	40 26.0%	8 5.2%	3.16%	Sederhana
13. Pendidikan, kesedaran awam dan publisiti.	154	4 2.6%	21 13.6%	73 47.4%	35 22.7%	21 13.6%	3.31	Sederhana
14. Meningkatkan rondaan di kawasan perumahan.	154	3 1.9%	12 7.8%	37 24.0%	24 15.6%	78 50.6%	4.05	Tinggi
Nilai Keseluruhan							3.43	Sederhana

Sumber: Kerja Lapangan (2014).

Berdasarkan Jadual 4.15 di atas, hasil analisis mendapati persepsi responden terhadap keseluruhan langkah pencegahan jenayah adalah pada tahap sederhana dengan nilai *mean* keseluruhan adalah 3.39. Ini dibuktikan dengan kebanyakan trend responden yang lebih cenderung memilih “sederhana” hingga “tinggi” yang mana julat nilai *mean* adalah di antara 2.63 hingga 4.27. Nilai *mean* yang paling tinggi menunjukkan tahap persepsi responden terhadap tahap kepentingan sesuatu langkah pencegahan jenayah adalah penting dan begitulah sebaliknya.

Berdasarkan Jadual 4.15 didapati nilai *mean* yang tertinggi adalah 4.27 iaitu bagi elemen penyediaan balai polis tetap atau bergerak. Ini menunjukkan wujudnya tahap kepentingan yang tinggi bagi penyediaan balai polis tetap atau bergerak di kawasan taman perumahan ini. Ini dibuktikan melalui Skala Likert bagi elemen penyediaan balai polis tetap atau bergerak dimana terdapat gabungan peratusan yang tinggi bagi “sangat penting” iaitu 57.8 peratus dan “penting” iaitu 17.5 peratus.

Langkah pencegahan jenayah yang menunjukkan nilai *mean* yang terendah adalah pengasingan laluan pejalan kaki daripada laluan bermotor di mana nilai *mean* bagi langkah pencegahan jenayah ini adalah 2.63. Ini dibuktikan melalui Skala Likert bagi elemen pengasingan laluan pejalan kaki daripada laluan bermotor di mana terdapat gabungan peratusan yang tinggi bagi “sederhana penting” iaitu 40.9 peratus dan “sangat tidak penting” iaitu 21.4 peratus. Persepsi responden ini adalah rasional kerana pengasingan laluan pejalan kaki daripada laluan bermotor biasanya dibuat di jalan yang besar dan sesak, yang menjadi tumpuan pengguna jalan raya. Oleh itu, adalah berkemungkinan bahawa responden merasakan bahawa langkah

pengecahan jenayah ini adalah kurang penting untuk dilaksanakan di kawasan taman perumahan mereka. Hierarki bagi kepentingan langkah-langkah pengecahan jenayah dari persepsi responden adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.16.

Jadual 4.16: Hierarki Kepentingan Langkah-langkah Pencegahan Jenayah dari Persepsi Responden

Pemeringkatan		Mean
1	Penyediaan balai polis tetap atau bergerak	4.27
2	Rondaan di kawasan perumahan	4.05
3	Pemasangan kamera litar tertutup (CCTV)	3.95
4	Penyediaan tempat motosikal berkunci	3.63
5	Penyediaan penggera keselamatan	3.43
6	Pendidikan, kesedaran awam dan publisiti	3.31
7	Pemetaan GIS jenayah dan Program Bandar Selamat	3.28
8	Pencahayaan di kawasan sasaran	3.24
9	Penyediaan papan tanda peringatan jenayah	3.18
10	Laluan awam tidak terlindung daripada pandangan awam	3.18
11	Penjanaan aktiviti bersesuaian di kawasan terdedah jenayah	3.16
12	Pelaksanaan reka bentuk persekitaran yang selamat (CPTED)	3.12
13	Penyediaan cermin keselamatan	3.08
14	Pengasingan laluan pejalan kaki daripada laluan bermotor	2.63

Bentuk hierarki yang digunakan dalam Jadual 4.16 di atas adalah bentuk hierarki yang digunakan oleh Ahmad Nazrin Aris (2008) dalam kajian beliau. Berdasarkan kepada Jadual 4.16 di atas, didapati pilihan responden bagi langkah-langkah pengecahan jenayah yang dirasakan penting untuk dilaksanakan di kawasan perumahan mereka adalah penyediaan balai polis tetap atau bergerak, rondaan di kawasan perumahan dan pemasangan CCTV. Oleh itu, hasil kajian ini telah

mengenal pasti langkah-langkah pencegahan jenayah di bawah Program Bandar Selamat yang paling sesuai dilaksanakan di kawasan Taman Perumahan Wangsa Melawati, Wangsa Maju, Kuala Lumpur mengikut persepsi penduduk yang tinggal di kawasan tersebut.

4.8 Analisis Inferensi

Analisis inferensi dilaksanakan bagi menjawab persoalan kajian yang telah dibentuk dalam Bab Satu dan menentukan penerimaan dan penolakan hipotesis yang telah dibentuk dalam Bab Dua. Analisis ini juga menentukan hubungan diantara tahap keselamatan dan tahap kebimbangan terhadap jenayah dengan pelaksanaan konsep Bandar Selamat. Kaedah Korelasi Pearson digunakan bagi menentukan sama ada wujud hubungan di antara pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah tidak bersandar.

4.8.1 Kekuatan Hubungan Menggunakan Korelasi Pearson

Kaedah Korelasi Pearson biasa digunakan untuk mengesahkan hubungan antara dua pemboleh ubah. Semakin tinggi nilai korelasi, semakin kuat hubungan antara pemboleh ubah - pemboleh ubah yang diuji. Petunjuk kasar atau wajar (*rule of thumb*) bagi pekali korelasi adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.17.

Jadual 4.17: Petunjuk Wajar Bagi Pekali Korelasi

Julat Pekali	Kekuatan Hubungan
± 0.91 hingga ± 1.00	Sangat kuat
± 0.71 hingga ± 0.90	Kuat
± 0.41 hingga ± 0.70	Sederhana
± 0.21 hingga ± 0.40	Lemah tetapi ada sedikit hubungan
± 0.01 hingga ± 0.20	Sangat lemah dan hampir tiada hubungan

Sumber: Hair et. Al. (2007)

Terdapat tiga hipotesis kajian ini yang diuji iaitu:

Ho1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap keselamatan dengan pelaksanaan konsep Bandar Selamat.

Ho2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kebimbangan terhadap jenayah dengan pelaksanaan konsep Bandar Selamat.

Ho3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap keselamatan dengan kebimbangan terhadap jenayah.

Keputusan keseluruhan ujian analisis korelasi bagi setiap hipotesis kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.18.

Jadual 4.18: Interkorelasi Antara Pemboleh Ubah

Pembolehubah		Perlaksanaan Konsep Bandar Selamat	Tahap Keselamatan	Kebimbangan Terhadap Jenayah
Perlaksanaan Konsep Bandar Selamat	Pearson correlation	1	-0.041	-0.151
	sig. (2-tailed)		0.618	0.062
	N	154	154	154
Tahap Keselamatan	Pearson correlation	-0.041	1	-0.636**
	sig. (2-tailed)	0.618		0.000
	N	154	154	154
Kebimbangan Terhadap Jenayah	Pearson correlation	-0.151	-0.636**	1
	sig. (2-tailed)	0.062	0.000	
	N	154	154	154

** Korelasi adalah signifikan pada paras 0.01 (2-tailed)

4.8.2 Hubungan Antara Tahap Keselamatan Dengan Pelaksanaan Konsep Bandar Selamat

Bagi hipotesis kajian yang pertama, hasil kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap keselamatan dengan pelaksanaan konsep bandar selamat. Nilai korelasi adalah sangat lemah dan hampir tiada hubungan di mana *correlation coefficient*, $r = -0.041$. Oleh itu, hipotesis H_{o1} yang telah dibentuk dalam kajian ini gagal ditolak. Ini bermaksud bahawa pelaksanaan konsep bandar selamat tidak dapat diterangkan oleh tahap keselamatan di kawasan taman perumahan yang dikaji.

4.8.3 Hubungan Antara Kebimbangan Terhadap Jenayah Dengan Pelaksanaan Konsep Bandar Selamat

Bagi hipotesis kajian yang kedua, hasil kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kebimbangan terhadap jenayah dengan pelaksanaan konsep Bandar Selamat apabila nilai korelasi adalah sangat lemah dan hampir tiada hubungan di mana $r = -0.151$. Oleh itu, hipotesis Ho2 yang telah dibentuk dalam kajian ini gagal ditolak. Ini bermaksud bahawa pelaksanaan konsep bandar selamat tidak dapat diterangkan oleh tahap kebimbangan penduduk di kawasan taman perumahan yang dikaji.

4.8.4 Hubungan Antara Tahap Keselamatan Dengan Kebimbangan Terhadap Jenayah

Bagi hipotesis kajian yang ketiga, hasil kajian menunjukkan nilai korelasi antara tahap keselamatan dengan tahap kebimbangan terhadap jenayah mempunyai hubungan yang signifikan dan negatif. Nilai korelasi adalah sederhana di mana $r = -0.636$. Oleh itu, hipotesis Ho3 yang telah dibentuk dalam kajian ini ditolak. Ini bermaksud apabila tahap keselamatan adalah tinggi, maka kebimbangan terhadap jenayah akan berkurang dan sebaliknya apabila tahap keselamatan adalah rendah, tahap kebimbangan terhadap jenayah akan meningkat.

4.9 Pengetahuan Mengenai Kegiatan Jenayah Di Kawasan Taman

Perumahan

Analisis ke atas pengetahuan mengenai kegiatan jenayah di kawasan taman perumahan pula menunjukkan 57.7 peratus atau 89 orang responden menyatakan bahawa mereka tidak mengetahui mengenai kegiatan jenayah di kawasan taman perumahan mereka. Manakala 42.2 peratus atau 65 orang menyatakan bahawa mereka mengetahui adanya kegiatan jenayah di kawasan taman perumahan mereka. Maklumat mengenai pengetahuan responden berkenaan jenayah yang berlaku di kawasan taman perumahan mereka adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.19.

Jadual 4.19: Taburan Responden Mengikut Pengetahuan Mengenai Kegiatan Jenayah di Kawasan Taman Perumahan

Tahu	Bilangan	Peratus
Ya	65	42.2
Tidak	89	57.7
Jumlah	154	100.0

Dari segi sumber maklumat mengenai jenayah di kawasan taman perumahan pula, 93.8 peratus atau 61 orang responden menyatakan bahawa mereka mengetahui mengenai kegiatan jenayah di kawasan taman perumahan mereka kerana terlihat atau diberitahu oleh jiran. Manakala seramai 4.6 peratus atau 3 orang menyatakan bahawa mereka mengetahui adanya kegiatan jenayah di kawasan perumahan mereka daripada lain-lain sumber. Selebihnya iaitu 1.5 peratus atau 1 orang menyatakan beliau mengetahui kegiatan jenayah kerana menjadi mangsa jenayah itu sendiri.

Maklumat mengenai sumber maklumat jenayah di kawasan taman perumahan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.20.

Sumber Maklumat	Bilangan	Peratus
Mangsa jenayah	1	1.5
Terlihat/diberitahu	61	93.8
Lain-lain	3	4.6
Jumlah	65	100.0

Jadual 4.20: Bilangan Responden Mengikut Sumber Maklumat Kegiatan Jenayah

4.10 Rumusan Bab

Bab ini secara keseluruhannya telah menjelaskan semua langkah-langkah yang telah diambil untuk menganalisis data-data kajian. Analisis terhadap data kajian perlu dimulakan dengan ujian ke atas instrumen kajian, pemeriksaan data dan diikuti dengan analisis terhadap data kajian mengikut keperluan hipotesis kajian. Keputusan dari analisis data ini akan dibincangkan dalam bab yang seterusnya.

BAB LIMA

RUMUSAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bab ini akan menyediakan beberapa cadangan bagi memperbaiki masalah yang telah dikenalpasti melalui kajian yang dibuat di Taman Perumahan di Jalan Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah. Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) telah melaksanakan langkah-langkah pencegahan jenayah bagi mewujudkan Bandar Alor Setar sebagai sebuah bandar yang selamat. Namun beberapa permasalahan yang wujud dalam program bandar selamat itu sendiri dilihat sebagai antara punca pencegahan jenayah tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya.

Walaupun terdapat pengurangan jenayah, selepas pelaksanaan pencegahan jenayah tetapi MBAS gagal membendung kes-kes harta benda yang mencatat bilangan kes tertinggi kerana kurang memberi tumpuan kepada data jenayah. Cadangan yang akan dikemukakan ini bertujuan untuk mengemaskini langkah-langkah yang telah wujud dari segi pelaksanaan secara fizikal dan pengurusan bagi membolehkan matlamat-matlamat yang dikenal pasti dapat dicapai di kawasan-kawasan bandar utama.

5.2 Cadangan hasil kajian

Bagi mengurangkan masalah kejadian jenayah ini berlanjutan, berikut merupakan beberapa cadangan dalam mengemaskinikan langkah pencegahan jenayah di dalam Program Bandar Selamat serta menjamin keselamatan awam di Bandar Alor Setar. Cadangan tersebut adalah:

5.2.1 Pemasangan CCTV sebagai langkah segera

Berdasarkan kajian yang dibuat didapati pusat Bandar Alor Setar belum mempunyai CCTV bagi memantau kejadian jenayah yang berlaku. Pemasangan CCTV hanya dibuat oleh pemilik bangunan perniagaan untuk menjamin keselamatan bangunan persendirian. Melalui pengalaman di bandar-bandar utama CCTV dilihat telah menjadi alat yang penting untuk mencegah jenayah.

Di Negara luar seperti Amerika Syarikat, Singapura dan United Kingdom pemasangan CCTV dilakukan sejak bertahun dahulu dan ia telah menjadi satu kemestian bagi menyelesaikan permasalahan seperti jenayah, kesesakkan lalu lintas dan pemantauan bandar. Oleh yang demikian, peruntukkan dan ketiadaan sumber kewangan tidak harus dijadikan alasan untuk tidak memasang CCTV. Pemasangan CCTV haruslah menjadi keutamaan dalam Program Bandar Selamat dan hendaklah dijadikan sebagai langkah segera oleh KPKT. Sejak konsep bandar selamat diperkenalkan lima tahun yang lalu sehingga sekarang kebanyakan PBT masih belum mempunyai CCTV di kawasan-kawasan '*hotspots*'. Ini menunjukkan tiada inisiatif diambil oleh agensi kerajaan untuk benar-benar mewujudkan bandar

yang selamat. Pemasangan CCTV sebagai langkah segera di kawasan ‘*crime hotspots*’ adalah wajar kerana KPKT dan kerajaan negeri telahpun mempunyai peruntukkan sejak tahun 2008.

Namun demikian kelewatan pelaksanaan menimbulkan banyak persoalan. Seharusnya peruntukkan disalurkan terus kepada PBT untuk melaksanakan pemasangan CCTV bagi mengelakkan kelewatan oleh kontraktor yang dilantik oleh KPKT. Kerajaan negeri juga telah menjanjikan pemberian 10 unit CCTV kepada MBAS pada tahun 2008 tetapi tiada perkembangan. MBAS juga harus bertindak segera untuk menyediakan peruntukkan untuk memasang bilangan CCTV yang minima sebagai langkah awal untuk mengurangkan kejadian jenayah di pusat bandar.

Pihak polis juga perlu mengambil inisiatif untuk bekerjasama dengan MBAS memasang CCTV di pusat Bandar Alor Setar untuk memantau kejadian jenayah. PBT hanya berupaya merekabentuk persekitaran fizikal sesuatu bandar tetapi polis sebagai badan pencegah jenayah haruslah melaksanakan tanggungjawab mereka dengan memasang CCTV untuk bagi mengurangkan kejadian jenayah yang sentiasa meningkat. Kewujudan CCTV di kawasan ‘*hotspots*’ akan mengurangkan kadar jenayah, ‘*fear of crime*’ di kalangan orang awam dan seterusnya dapat membentuk bandar yang selamat.

5.2.2 Inisiatif dan kerjasama polis dengan PBT membangunkan *GIS-Basedmap*

Daripada 38 PBT yang terlibat dengan program Bandar Selamat, hanya tiga sahaja telah melaksanakan perkongsian maklumat jenayah melalui *GIS-Based mapping*. Kebanyakannya belum dilaksanakan disebabkan pelbagai masalah yang wujud seperti mendapatkan data jenayah dari pihak polis, ketiadaan data digital, ketiadaan sistem *Geographic Information System (GIS)* oleh polis dan liputan kawasan jenayah yang berbeza. Walaupun MBAS telah mempunyai sistem GIS tetapi perkongsian maklumat tidak dapat dijalankan kerana Balai Polis Alor Setar tidak mempunyai sistem GIS dan kebanyakan data adalah dalam bentuk manual.

Perkara ini bukan sahaja menjadi penghalang kepada MBAS malah kepada PBT lain juga. Pihak polis seharusnya mengambil inisiatif untuk membangunkan pangkalan data jenayah menggunakan perisian seperti Mapinfo untuk membolehkan perkongsian maklumat dengan PBT. Peruntukkan perlu disediakan oleh pihak polis untuk tujuan ini dan tidak boleh bergantung kepada PBT sahaja. Pertambahan bilangan anggota polis sahaja tidak akan dapat menyelesaikan masalah jenayah tetapi keperluan *sophisticated* dan pemantauan melalui *mapping system* amatlah perlu untuk melaksanakan langkah pencegahan jenayah.

5.2.3 Peruntukkan khusus untuk Program Bandar Selamat

Peruntukkan dan sumber kewangan telah menjadi isu utama dalam pelaksanaan langkah pencegahan yang digariskan dalam Program Bandar Selamat. KPKT yang telah memperakukan Program Bandar Selamat adalah bertanggungjawab untuk

menyediakan satu peruntukkan khusus untuk memastikan kesemua langkah dapat dilaksanakan tanpa sebarang masalah oleh semua PBT. Dalam Rancangan Malaysia ke 9 mahupun tidak menyatakan secara jelas tiada sebarang peruntukkan khas disediakan untuk pelaksanaan Bandar Selamat. Dasar Perbandaran Negara juga menekankan perlunya kawasan perbandaran yang selamat untuk menjamin kesejahteraan masyarakat tetapi pelaksanaannya pula dipertanggungjawabkan kepada PBT sahaja. Pelaksanaan dan pemantauan Bandar Selamat memerlukan kos tinggi yang boleh mencecah jutaan ringgit. Kekurangan sumber kewangan di PBT boleh membantutkan pelaksanaan ini dan seterusnya menemui kegagalan dalam mencegah jenayah yang semakin meningkat. Ketiadaan sumber kewangan telah menyebabkan PBT gagal untuk menyediakan laluan pejalan kaki berasingan daripada laluan bermotor, rel penghadang, penyelenggaraan landskap, dan pemasangan alat pengera keselamatan untuk di kawasan awam dan lain-lain seterusnya mencapai status bandar selamat.

5.2.4 Melaksanakan langkah pencegahan jenayah berpandukan data jenayah

Daripada pemerhatian melalui kajian lapangan dan perbandingan dengan data jenayah, didapati kebanyakan langkah pencegahan di Bandar Alor Setar dilaksanakan tanpa berpandukan data jenayah. Ketiadaan tempat letak motosikal berkunci di pusat Bandar jelas menunjukkan perancangan dibuat tanpa berdasarkan kepada statistik jenayah. Oleh yang demikian setiap PBT perlu mendapatkan data jenayah dari semasa ke semasa dan bekerjasama dengan pihak polis untuk mengenalpasti lokasi kejadian jenayah utama untuk melaksanakan langkah-langkah pencegahan dalam program bandar selamat. Kemudahan-kemudahan sedia ada

seperti laluan pejalan kaki tidak harus diambilkira sewenang-wenangnya sebagai langkah pencegahan yang telah dilaksanakan. Kegagalan pelaksanaan berpandukan data jenayah akan menyebabkan matlamat Bandar Selamat tidak boleh dicapai.

5.2.5 Menambah bilangan pondok polis dan meningkatkan rondaan

Ketiadaan pondok polis di pusat bandar dan lokasi '*hotspots*' juga mengundang kepada perlakuan jenayah. Di pusat Bandar Alor Setar tiada pondok polis disediakan dan balai polis bergerak yang ditempatkan juga kurang berkesan. Penambahan pondok polis perlu dilakukan bagi meningkatkan keselamatan orang awam dan rondaan perlu di buat setiap masa untuk mengelakkan kejadian jenayah. Rondaan boleh dilakukan dengan kerjasama pihak berkuasa. Rondaan menggunakan motosikal atau berjalan kaki adalah langkah terbaik untuk meningkatkan tahap keselamatan di bandar dan mengelakkan kejadian jenayah berulang.

5.2.6 Meningkatkan kesedaran masyarakat dan pendidikan jenayah

Cadangan terakhir sudah tentunya melibatkan penglibatan semua pihak iaitu agensi kerajaan, pihak swasta, NGO dan orang awam untuk mencapai sebuah bandar yang selamat. Walaupun PBT dan pihak polis bertanggungjawab menjaga keselamatan awam, namun ianya tidak dapat di capai tanpa kerjasama daripada masyarakat. Kesedaran masyarakat mengenai kejadian jenayah hendaklah diperluaskan melalui pendedaran risalah, perbincangan dengan pemilik bangunan premis perniagaan,

mengadakan aktiviti gotong-royong di kawasan bandar dan lain-lain yang melibatkan orang awam.

Pengunjung atau orang awam yang berurusan di kawasan bandar haruslah mempunyai pengetahuan untuk mengelakkan kejadian jenayah berlaku. Perilaku semasa berada di bandar turut menyumbang kepada peluang berlakunya jenayah. Pihak berkuasa tempatan dan polis boleh menyediakan papan tanda mengenai lokasi kejadian jenayah, jenis jenayah dan cara untuk menghindari berlakunya jenayah di pusat bandar sebagai mendidik orang awam. Pelaksanaan Program Bandar Selamat hanyalah langkah-langkah secara fizikal untuk membantu mengelakkan kejadian jenayah berlaku.

Orang ramai adalah bertanggungjawab menggunakan segala kemudahan yang telah disediakan untuk menjaga keselamatan diri dan harta benda. Tiada makna sekiranya tempat letak motosikal berkunci disediakan tetapi tidak dimanfaatkan oleh penunggang motosikal. Orang ramai juga harus di didik untuk menjaga harta benda awam bagimengelakkan masalah vandalisma. Masyarakat perlu ditanamkan dengan sifat mencintakan kemudahan awam dan keselamatan dengan pelbagai aktiviti bandar selamat terutamanya di pusat-pusat bandar bagi meningkatkan kesedaran pentingnya mencegah jenayah bagi mewujudkan bandar yang bebas dari ancaman jenayah.

5.2.7 Mensyaratkan penyediaan langkah pencegahan jenayah dalam pembangunan baru

PBT boleh mensyaratkan pemaju untuk menyediakan beberapa langkah pencegahan jenayah seperti tempat letak motosikal berkunci, laluan pejalan kaki dengan tanaman landskap dan penyediaan *bollard* dalam projek pembangunan. Dengan ini, kesemua pembangunan baru yang dijalankan akan mempunyai ciri-ciri bandar selamat di peringkat awal lagi dan PBT hanya perlu menumpukan perhatian terhadap memantau dan menyelenggara kemudahan yang telah disediakan. Ia juga akan mengurangkan masalah PBT yang memerlukan peruntukkan yang tinggi untuk melaksanakan kesemua langkah pencegahan jenayah. Walaubagaimanapun, syarat ini mungkin membebankan pemaju yang terpaksa menanggung kos pembangunan yang tinggi, seperti caruman, sumbangan dan syarat menaiktaraf taraf kemudahan infrastruktur yang dikenakan oleh agensi kerajaan. Oleh itu, PBT juga harus menilai syarat yang dikenakan supaya tidak membebankan pemaju.

5.3 Kesimpulan

Program Bandar Selamat diperkenalkan di negara ini sebagai satu cara mencegah kejadian jenayah yang mengalami peningkatan. Beberapa matlamat telah dikenalpasti untuk mewujudkan Bandar Selamat dan membebaskan bandar dari masalah keganasan nyawa dan harta benda adalah satu daripadanya. Walaupun program ini diperakukan oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan pada 2004 dan mula dilaksanakan di peringkat pihak berkuasa tempatan namun statistik jenayah negara masih mengalami peningkatan. Justeru itu, tahap keberkesanan

langkah-langkah pencegahan jenayah dipilih sebagai tajuk untuk menghasilkan kajian ini.

Pusat Bandar Alor Setar telah dipilih untuk menjalankan kajian disebabkan program Bandar Selamat ini lebih menjurus kepada pembaikkan di kawasan perumahan. Hasil daripada kajian didapati, Majlis Bandaraya Alor Setar telah melaksanakan 22 langkah pencegahan jenayah di seluruh kawasan pentadbiran. Hanya 20 langkah fizikal sahaja diberi perhatian dalam kajian ini kerana ia melibatkan pusat bandar yang majorotinya ialah kawasan perumahan. Kajian lapangan yang dijalankan mendapati langkah pencegahan jenayah telah dilaksanakan dengan baik oleh MBAS tetapi tahap keberkesanan untuk mengelakkan jenayah masih kurang memuaskan dan berkesan. Terdapat banyak kelemahan yang menjurus kepada peningkatan kes jenayah di pusat bandar berdasarkan statistik jenayah pusat bandar Alor Setar yang diperolehi daripada Balai Polis Alor Setar. Pelbagai masalah juga dikenal pasti menjadi punca kurang keberkesanan langkah pencegahan yang telah diperkenalkan oleh JPBD.

Kebanyakan daripada pelaksanaan tanpa merujuk kepada data-data jenayah menyebabkan kejadian jenayah sentiasa berulang atau meningkat dari semasa ke semasa. Segala permasalahan yang dikenal pasti daripada kajian ini telah digunakan bagi membentuk cadangan penyelesaian. Cadangan yang dikemukakan lebih kepada penambahbaikan masalah yang wujud di kalangan pihak berkuasa tempatan. Pihak berkuasa tempatan dan pihak polis sahaja tidak harus dipertanggungjawabkan untuk menjaga keselamatan awam. Menjaga keselamatan adalah tanggungjawab bersama dan bukan terletak ditangan pihak tertentu.

Kekurangan tahap kesedaran orang awam dalam membanteras jenayah juga memainkan peranan penting. Matlamat mencegah jenayah dan mewujudkan bandar yang selamat hanya boleh dicapai melalui penglibatan dan kerjasama antara agensi kerajaan, pihak swasta dan orang ramai. Kaedah '*prevention is better than cure*' harus menjadi pegangan agar masalah jenayah dapat dihapuskan agar setiap insan dapat menikmati kehidupan berkualiti, selamat dan sejahtera melalui Program Bandar Selamat.

BIBLIOGRAFI

- Abdullah, A.G. (2000). *Pengaruh Tingkah Laku Etika Ketua Terhadap Tingkah Laku Etika Subordinat di Sekto rKewangan di Malaysia* (Tesis PhD). Universiti Utara Malaysia.
- Ahmad Mahzan, A. (2007). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. Edisi Ketiga. Selangor: DawamaSdn Bhd.
- Ahmad Nazrin Aris, A. (2008). *Keberkesanan Program Bandar Selamat Dari Persepsi Pelancong Singapura. Kajian Kes: Bandaraya Johor Bahru* (TesisSarjana). UniversitiTeknologi Malaysia.
- Ahmad NazrinAris, A., &Zainab, K. (2009). Kepentingan Program Bandar Selamat sebagai asas keselamatan industri pelancongan di bandaraya Johor Bahru. *Jurnal Teknologi, 51 (E), Dis. 2009*, 123-137.
- AinurZaireen, Z., &Jalaluddin, A. M. (2010). Keberkesanan Program Bandar Selamat dari persepsi penduduk. Kajiankes: Bandaraya Shah Alam. *Jurnal Teknologi, 53(SainsSosial), Sept. 2010*: 13–34.
- Ayob, A.M. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Breese, G. (1969). *The City in Newly Developing Countries*. Englewood Cliff, NJ: Prentice Hall.
- Coakes, S.J., Steed, L., &Dzidic, P. (2006). *SPSS version 13.0 for windows: Analysis without anguish*. Australia: John Wiley and Sons Australia Ltd.
- Che Su, M. (2000). *Komunikasi Organisasi dan Hubungannya dengan Kepuasan Kerja dan Komitmen Keorganisasian di Sektor Swasta dan Sektor Awam* (Tesis PhD). Universiti Utara Malaysia.

- Chua, Y.P. (2006). *Kaedahdan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Selangor: McGraw Hill (Malaysia) Sdn Bhd.
- Clarke, R.V. (1997). *Situational Crime Prevention: Successful Case Studies*. Second Edition. Albany, N.Y: Harrow and Heston.
- Cohen, L.E., &Felson, M. (1979). Social change and crime rate trends: A routine activity approach. *American Sociological Review* 44: pp. 558-605.
- Cooper, D.R., & Schindler, P.S. (2006). *Business Research Method*. 9th Edition. New York: McGraw-Hill/Irwin.
- Davis, J.A. (1971). *Elementary Survey Analysis*. Prentice Hall.
- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. (n.d.). *Sejarah Perbandaran Kuala Lumpur*. (Brochure). Kuala Lumpur: Jabatan Perancang Bandar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. (2011). *Peta Kawasan Wangsa Maju*. (Map). Kuala Lumpur: JabatanPerancang Bandar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
- Ditton, J., Bannister, J., Gilchrist, E., &Farrall, S. (1999). Afraid or angry? Recalibrating the fear of crime. *International Review of Victimology*6: pp.83-99.
- DuBow, F., McCabe, E., & Kaplan, G. (1979). *Reactions to Crime:A Critical Review of the Literature*. Washington, D.C.: U.S. Government Printing Office.
- Ferraro, K. F. (1995). *Fear of Crime: Interpreting Victimization Risk*. Albany: State University of New York Press.

- Hasnah, G., & Mat Saad, A.R. (1995). *Jenayah Remaja: Permasalahan dan Penyelesaian*. Selangor: PenerbitHizbi.
- Hair, J.F., Babin, B., Money, A.H., & Samouel, P. (2003). *Essentials of Business Research Method*. New York: John Wiley & Sons.
- Hair, J.F., Money, A.H., Samouel, P., & Page, M. (2007). *Research Methods for Business*. USA: John Wiley & Sons.
- Huizinga, D., Loeber, R., & Thornberry, P.T. (1994). *Urban Delinquency and Substance Abuse. Technical Report and Technical Appendices*. Washington D.C.: Office on Juvenile and Delinquency Prevention.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. (2005). *Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Reka Bentuk Imej Bandar Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. (2006). *Pengalaman Pelaksanaan Program Bandar Selamat*. Program Bandar Selamat 2006: Kompilasi Kertas Kerja dan Persembahan Multimedia. Kuala Lumpur: Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, JPBD.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. (2010). *Laporan Pemantauan Pelaksanaan Program Bandar Selamat, 2010*. Kuala Lumpur. Retrieved on 25 October 2011 from http://www.townplan.gov.my/new_web/muat_turun/pengumuman/2011/Laporan%20Pemantauan%20Pelaksanaan%20Program%20Bandar%20Selamat%202010.pdf
- Jabatan Perdana Menteri. (2010). *Program Transformasi Kerajaan: Pelan Hala Tuju*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Jabatan Perdana Menteri. (2011). *Laporan Tahunan 2010 Program Transformasi Kerajaan*. Putrajaya: Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU).

Retrieved on 25 October 2011 from http://www.pemandu.gov.my/gtp/wp-content/uploads/2011/05/GTP_AR2010_Executive_Summary_BM.pdf

Jamaludin, M. (2007). *Aspek Keselamatan Awam Dalam Pembentukan Bandar Selamat di Malaysia: Kajian Kes Alor Setar, Kedah* (Tesis PhD). Universiti Sains Malaysia.

Kamus Dewan. (1993). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Karmen, A. (2004). *Crime Victims: An Introduction to Victimology*. 5th Edition. Belmont, CA: Thomson Wadsworth

Krejcie, V.R., & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 1970, 30, 607 - 610.

Lee, M. (2007). *Inventing Fear of Crime Criminology and the Politics of Anxiety*. Cullompton: Willan.

Levin, R.I., & Rubin, D.S. (2000). Statistik untuk Pengurusan. Diterjemahkan oleh Susila Munisamy dan Halimah Awang. Edisi Ketujuh. Petaling Jaya: Pearson Education Asia, Pte. Ltd.

Maslow, A. (1954). *Motivation and Personality*. New York: Harper & Row.

Mohd. Radzuan, I. (1995). *Polis Dalam Sistem Keadilan Jenayah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Newburn, T. (2003). *Handbook of Policing*. Cullompton: Willan.

Newman, O. (1972). *Defensible Space. Crime Prevention Through Urban Design*. London: Mcmillan.

Nor Eeda, A. (2006). *Pembangunan Komuniti Dalam Pelaksanaan Konsep Bandar Selamat* (Tesis Sarjana). Universiti Teknologi Malaysia.

- Norazman, M. (2010). *Keselamatan Dalam Perumahan Komuniti Berpagar. Kajian Kes – Apartment Prima dan Taman Kristal 2, Sepang, Selangor* (Tesis Sarjana). Universiti Teknologi Malaysia.
- Northam, R.W. (1975). *Urban Geography*. New York: John Wiley and Sons.
- Pallant, J. (2001). *SPSS Survival Manual*. Buckingham, Philadelphia: Open University Press.
- Police Executive Research Forum. (2010). *Target's Safe City Program: Community Leaders Take the Initiatives in Building Partnerships With the Police*. Retrieved on 21 October from http://www.policeforum.org/library/safe-cities/Target_Safe%20City.pdf.
- Polis DiRaja Malaysia. (2011). *Statistik Kadar Jenayah Bagi Tahun 2006 Hingga 2010*. Kuala Lumpur: Urusetia KPN (Perhubungan Awam), Ibu Pejabat Polis DiRaja Malaysia, Bukit Aman.
- Schumacher, B., & McMillan, S.H. (1993). *Research in Education – A Conceptual Introduction*. (3rd Edition). New York: L Harper Collins College Publisher.
- Syed Abdul Rahman, S.Z., Jamaludin, M., Rosli, M., & Mohd Hilmi, H. (2010). *Komunikasi Dalam Kepimpinan Rukun Tetangga*. Sintok, Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Tong, L. (2007). *Safe City*. Kuala Lumpur: EAROPH Malaysia.
- Uma Sekaran & Bougie, R. (2010). *Research Method for Business: A Skill Building Approach*. 5th Edition. West Sussex, United Kingdom: John Wiley & Sons Ltd.
- Walklate, S. (2007). *Imagining the Victim of Crime*. Maidenhead: Open University Press

Warr, M. (1994). Public Perceptions And Reactions To Violent Offending And Victimization. In *Consequences and Control*, edited by Albert J. Reiss, Jr., and Jeffrey A. Roth. Vol. 4 of *Understanding and preventing violence*. Washington, D.C.: National Academy Press.

Yahya, D., Foad, S., Yaakob, D., Muhammad Dzahir, K., Jamaludin, M., & Zaim, A. (2010). *Geng Rempit dan Penyalahgunaan Dadah di Malaysia*. Sintok, Kedah: Pusat Pengurusan, Penyelidikan & Inovasi, UUM.

Yahya, I. (1995). *Perbandaran dan Kejiranan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

ZulAzri, A.A., Norhafizah, A.R., & Izham, G. (2007). *Pendekatan pencegahan jenayah menerusi keperihatinan rekabentuk persekitaran*. Seminar Kebangsaan Rupa Bandar Malaysia: Mengekal Warisan Membina Identiti, Lumut, Perak.

Website

KRA 3: Meningkatkan Tahap Keselamatan. Retrieved on 15 June 2011 from <http://transformasi.mpsp.gov.my>.

A Road Map to Safe City: Driving Community Safety Through Public/Private Partnerships. (2008). Retrieved on 21 October 2011 from http://mysafecity.com/html/LE%20Roadmap_Final_08.pdf

Ahmad, K.M. (2006, Ogos 14). Bandar Bebas Jenayah. *Utusan Malaysia*. Retrieved on 22 October 2011 from http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=0814&pub=utusan_malaysia&sec=Rencana&pg=re_01.htm&arc=hive

Jenayah Turun 35 Peratus. (2011, Mac 28). *Berita Harian*. Retrieved on 21 October 2011 from <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Jenayahturun35peratus/Article>

Keyakinan Rakyat Makin Meningkatkan. (2010, Disember 22). *Berita Harian*, p. 13, Nasional.

Lagi Wanita Diragut di Wangsa Melawati. (2010, Mac 4). *Utusan Malaysia*. Retrieved on 21 October 2011 from http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0304&pub=Utusan_Malaysia&sec=Jenayah&pg=je_04.htm

Program Bandar Selamat. Retrieved on 25 October 2011 from <http://jpbd.kelantan.gov.my/v2/index.php/perkhidmatan/pembangunan-mampan/bandar-selamat>

Peta Kuala Lumpur. Retrieved on 25 October 2011 from <http://mymalaysiainfo.com/map/kuala-lumpur-map/index.htm>

Routine Activity Theory. Retrieved on 21 October 2011 from [http://www.crimeprevention.nsw.gov.au/Lawlink/cpd/ll_cpdiv.nsf/vwFiles/RoutineActivityFactsheet_April2008.pdf/\\$file/RoutineActivityFactsheet_April2008.pdf](http://www.crimeprevention.nsw.gov.au/Lawlink/cpd/ll_cpdiv.nsf/vwFiles/RoutineActivityFactsheet_April2008.pdf/$file/RoutineActivityFactsheet_April2008.pdf).

Scarborough Borough Council. (2007). *Fear of Crime Survey 2007*. Retrieved on 25 October 2011 from <http://www.scarborough.gov.uk/pdf/Fear%20of%20Crime%20Survey%202007.pdf>

Syuhada, C.A., &Hardi, E.Y. (2011, Jun 6). Keselamatan Rakyat Diutama. *BeritaHarian*. Retrieved on 21 October 2011 from <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Keselamatanrakyatdiutama/Article>

Siaran Media: Program Bandar Selamat KPKT Mampu Kurangkan Indeks Jenayah Negara. Retrieved on 23 October 2011 from http://www.kpkt.gov.my/kpkt/fileupload/program/siaran_media/2010/julai10/SIARAN_AKHBAR_BANDAR_SELAMAT_260710.pdf

Wynne, T. (2008). An Investigation into the Fear of Crime: Is there a Link between the Fear of Crime and the Likelihood of Victimisation?. *Internet Journal of Criminology*. Retrieved on 21 October 2011 from <http://www.internetjournalofcriminology.com>.